



NEWS ARCHIVE

2021

ISI KANDUNGAN :

Siri	Tajuk	Muka surat
1.	Kerjasama Strategik TLDM Dengan Malaysian Qualification Agency (MQA)	5
2.	Pemakaian Lencana Kepakaran Kapal Selam	6-7
3.	Sungai Lunchoo Navigation Run Oleh KD Ganyang	8-9
4.	Risikan Oleh KD Laksamana Tun Abdul Jamil	10
5.	Hanya Jauhari Mengenal Manikam (Batu Permata): Perkhidmatan Tenaga Pakar Agensi Nuklear Malaysia Bagi Selenggaraan Kapal	11
6.	Lembaga Kompetensi Kursus Kelayakan Ketua Jabatan Kejuruteraan (KKKJK) Siri 9/21	12
7.	Jasa Baktimu Sejernih Air Di Kali Leftenan Komander Hj Salim Bin Kasim Tldm (Bersara)	13-14
8.	Coffee Table Session Wakil Mmhe Dengan Ketua Jurutera TLDM	15
9.	Kesiagaan Aset Armada Timur Terus Dipertingkat Melalui Penganjuran Perang Borneo Siri 3/21	16
10.	Better Late Than Never Inisiatif Mewujudkan SME LLP Cawangan Kejuruteraan	17-18
11.	Sekalung Tahniah Laksamana Pertama Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Murad Bin Haji Omar (Bersara)	19
12.	Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung, Manakan Dapat Sagunya Keperluan Certified Accredited Project Manager Di Dalam TLDM	20-21
13.	AMSAS Anjur Kursus Intermediate Interdiction Siri 1	22-23
14.	TLDM Dan APMM Optimumkan Penggunaan Recompression Chamber	24
15.	Pertukaran Pucuk Kepimpinan Tertinggi Markas Pemerintahan Armada Barat	25
16.	PAT Rasmikan Chiefs' Circle Talk Siri 1/2021	26
17.	Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan Dan Sumbangan Tabung Zakat ATM	27
18.	Bengkel Memperkasa Kaedah Bagi Pengurusan Penugasan Pegawai Dan Anggota Kejuruteraan	28
19.	TLDM Pencetus Penggunaan Teknologi Laser Cladding Yang Pertama Oleh Industri Di Malaysia	29
20.	Penyerahan Baucer Kelengkapan Sekolah Oleh Bakat Laut	30
21.	Merealisasikan Strategi TLDM Melalui Pembangunan BRL 1	31
22.	Sekalung Tahniah : KD Jerong Kapal Kelima Selesai Repowering	32
23.	MkPL Mengiktiraf Dan Menghargai Warga Navy People Yang Cemerlang	33
24.	KD Laksamana Tun Abdul Jamil Laksana Rondaan Pengawasan Di Selat Melaka	34
25.	Pembangunan Pelaporan Direktif Strategik Panglima Tentera Laut	35

26.	Ke Arah Melahirkan Pegawai Muda Yang Kompeten Dalam Sistem Persenjataan Kapal	36-37
27.	Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Tabung KSSKA TLDM PWTL Kuching	38
28.	PWTL Kuching Agih Bubur Lambuk Sempena Sambutan Hari TLDM Ke-87	39
29.	Perbarisan Ulang Tahun TLDM Ke-87 Peringkat Markas Tentera Laut	40
30.	Keep Flying High With Flying Colours Cawangan Udara TLDM	41-42
31.	TLDM Adalah Perintis Menghasilkan Teknisyen “Kompeten” Dalam Tempoh 5 Tahun	43-44
32.	Ketua Jurutera TLDM Dianugerah Pujian Panglima Tentera Laut	45-46
33.	Lawatan Panglima Armada Barat Ke FOB Kukup	47
34.	Pegawai Waran II TLR Muhamad Razid Bin Rosman Diiktiraf Sebagai Juruteknik Bertauliah Pertama Bagi Teknisyen TLDM Dalam Bidang Maritime Technology	48-49
35.	Sekalung Tahniah Kapal Aukiliari BM 5 Kapal Pertama Selesai Rutin Slipping	50
36.	Latihan Perang Pangkor Siri 1-2021	51-52
37.	Kolaborasi Bersama Penguatkuasa Barisan Hadapan Tempatan Bukti TLDM Komited Dalam Penugasan Op Penawar	53
38.	Diari Wira TLDM Leftenan Komander Mohamad Nizam Bin Wan Chik TLDM (Bersara)	54-55
39.	Inisiatif Mewujudkan Forum Tiga Penjuru Melibatkan Ketua Jurutera TDM, TLDM Dan TUDM	56
40.	TLDM Adakan Latihan Bersama Tentera Laut Perancis	57-58
41.	Sekalung Tahniah : Lt Ts. Chan Jun Kwan TLDM	59-60
42.	Pegawai Waran Tentera Laut Diraja Malaysia Tunjang Kecemerlangan Anggota	61-62
43.	Pelaka Kapal (Ship Crest) Dijenama Semula Ke Ciri Klasik	63
44.	Pemakaian Pangkat Pegawai PSSTLDM - Pstl Kuching	64
45.	Transformasi Cawangan Prasarana Markas Tentera Laut	65-66
46.	Common Operating Picture (COP) – Modul Pengurusan Kewangan Mk PI Pemenang Anugerah Projek Kik Peringkat MPAB 2021	67-68
47.	Hari Inovasi TLDM Tahun 2021	69
48.	Penutup Audit Dalaman Bahagian Operasi Dan Strategi	70
49.	Pustakmar Kongsi Rezeki	71
50.	Penugasan Op Penawar PTKK	72
51.	Sesi Perkongsian Ilmu Ketua Jurutera TLDM	73
52.	‘Pantai Kita Cerminan Wajah Kita’	74
53.	Program Unik Senggaraan Berjadual Kapal Obsolescence Programme (OP) KD Perkasa	75
54.	Eksesais Taming Sari Bukti Profesionalisme TLDM	76
55.	Eksesais SEACAT 21 Berjaya Tingkatkan Interoperability	77-78
56.	Webinar Perkongsian Ilmu S.M.A.R.T Refit	79-80
57.	Jenis Tulisan Rasmi Persuratan Di Dalam TLDM	81

58.	Tip Pemakaian Pakaian Operasi Digital (POD) Agar Dalam Safe Attire – Tip 1	82-83
59.	The 15th International Defence Industry Fair 2021 (IDEF'21) Istanbul, Turki	84
60.	Tahukah Anda Asal Usul Buku Rujukan Laut (BRL)	85
61.	Sikap Profesionalisme Buktikan Kejayaan 25 Orang Penuntut Kursus Paskal Siri 70-21	86-87
62.	Eksesais Mastex 2021 Covid-19 Tidak Menghalang Kerjasama Dan Diplomasi Pertahanan	88-89
63.	TLDM Perkukuh Hubungan Kerjasama Pertahanan Melalui Eksesais Bersama Tentera Laut India	90
64.	“Town Hall” Bersama Limbungan Tempatan Secara Webinar	91
65.	Majlis Pemakaian Pangkat Dan Penghargaan	92-93
66.	Sambutan Hari ATM Ke-88	94-95
67.	Majlis Pemakaian Pangkat Dan Penyampaian Sijil Pegawai Palapes Laut Universiti Awam Tahun 2020 Peringkat Zon Tengah	96-97
68.	Sekalung Tahniah Kepten Suhaimi Bin Sani TLDM (Bersara)	98-99
69.	Upacara Penamaan Dan Pentauliahan KD Panglima Garang	100-101
70.	Warga Navy People Terima Bakul Makanan MINDEF Prihatin	102
71.	Kunjungan Hormat Panglima Pasukan Simpanan TLDM Sempena Lawatan Kerja Ke Kuching	103
72.	Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai TLDM, PSSTLDM Dan Serah Terima Tugas Aks Pentadbiran Dan Sekretariat	104-105
73.	Lawatan Panglima Pasukan Simpanan Ke Pstl Kuching	106
74.	Jasa Bakti Mu Dikenang Laksamana Pertama Dr. Hj Sutarji Bin Hj Kasmin (Bersara)	107
75.	Majlis Pemakaian Pangkat Dan Penghargaan Warga KD Laksamana Tun Abdul Jamil	108
76.	Mesyuarat Lembaga Kelayakan Kapal Selam Ke-24 Siri 03/21	109

KERJASAMA STRATEGIK TLDM DENGAN MALAYSIAN QUALIFICATION AGENCY (MQA)



Perbincangan strategik diantara TLDM dan MQA dipengerusikan oleh

P/Kept Ts. Mohd Faesac bin Talla TLDM

Kuala Lumpur, 12 Jan – Perbincangan strategik diantara Pengurusan Tertinggi *Malaysian Qualification Agency* (MQA) dari Kementerian Pengajian Tinggi bersama Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut telah dilaksanakan hari ini.

Perbincangan adalah selaras dengan pendekatan TLDM iaitu memperkasakan pengiktirafan terhadap Teknisyen TLDM yang memasuki perkhidmatan. Diantara strategi jangka panjang adalah:

- a) Mengemaskini status kelayakan bakal Teknisyen TLDM yang diiktiraf MQA.
- b) Kerjasama dengan MQA bagi penambahbaikan terhadap pengiktirafan kelayakan akademik Teknisyen di masa hadapan.

Wakil dari MQA yang hadir adalah Encik Muhammad Amran Zainal Abidin (Pegarah Bahagian Koordinasi dan Rujukan Jaminan Kualiti), Encik Abdul Saman Taip (Pegarah Bahagian Akreditasi Sains Perubatan) dan Puan Azliana Ahmad (Penolong Pegarah Bahagian Jaminan Kualiti). Selain perbincangan strategik, tim MQA telah bertukar pandangan dengan Ketua Jurutera TLDM bagi mengukuhkan hubungan kerjasama di antara organisasi.

Perbincangan strategik ini adalah inisiatif baharu Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut bagi memperkasakan kelayakan akademik anggota yang bakal menyertai TLDM. Hasil kerjasama strategik ini akan digunakan sebagai penambahbaikan berterusan (kaizen) dan melestarikan pengurusan sumber manusia di Cawangan Kejuruteraan.

Sumber : Cawangan Pembangunan Sumber, Bahagian Kejuruteraan
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah
Foto : Cawangan Pembangunan Sumber, Bahagian Kejuruteraan

PEMAKAIAN LENCANA KEPAKARAN KAPAL SELAM



Kebanggaan. Panglima Tentera Laut bersama pegawai dan anggota terlibat

KOTA KINABALU, 4 Mac - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah dianugerahkan Lencana Kepakaran Kapal Selam (Kehormat) serta menyempurnakan upacara pemakaian Lencana Kepakaran Kapal Selam kepada Pegawai dan anggota TLDM yang telah berjaya menamatkan Kursus Kelayakan Kapal Selam. Seramai 9 orang peserta terdiri dari 1 Pegawai dan 8 Anggota TLDM telah berjaya dan menerima kelayakan masing-masing. Upacara pemakaian lencana kepakaran kapal selam ini telah dilangsungkan di Auditorium Markas Pemerintahan Kapal Selam Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pemakaian lencana kepakaran kapal selam ini merupakan satu tradisi dan kebanggaan kepada semua *submariner* di TLDM.

Sebelum menjadi seorang *submariner*, warga TLDM perlu mengharungi ujian perubatan, ujian bertulis, dan temuduga sebelum dipilih untuk menyertai kursus kapal selam. Setelah dipilih mereka perlu menjalani latihan di Pusat Latihan Kapal Selam, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu. Pusat Latihan Kapal Selam telah ditubuhkan dan dipertanggungjawabkan bagi melatih bakal *submariner* di peringkat asas dan peringkat lanjutan. Bagi memenuhi tujuan tersebut, beberapa fasiliti yang canggih seperti *modern simulator* dan tenaga pengajar tempatan telah disediakan di Pusat Latihan. Simulator yang terdapat di Pusat Latihan ini merupakan satu-satunya simulator jenis *Scorpene* di dunia. Perbandingan kos latihan yang dibuat di luar

negara sebelum ini, dan kos latihan dalam negara telah melibatkan menjimat kos sebanyak 75%.

Bagi melahirkan *submariner* yang berpengetahuan dan kompeten, warga TLDM yang menyertai kursus kepakaran kapal selam perlu menjalani beberapa fasa latihan teori iaitu *Submarine Foundation Training* dan *Submarine Spesific Training* di Pusat Latihan selama hampir 12 bulan dan seterusnya menjalani *Submarine Application Training* atau Latihan Sambil Kerja di kapal selam selama 5 bulan hingga 8 bulan.

Setelah selesai menjalani latihan dan mendapat kelayakan sebagai *submariner*, mereka akan diperjawatkan di kapal selam sebagai kru kapal selam sesuai dengan keperluan dan tugas masing-masing. Sehingga kini, PLKS telah berjaya melatih seramai 191 orang *submariner* baru dari warga TLDM. Ini membuktikan bahawa kemampuan anak watan untuk menguasai bidang peperangan bawah air yang melibatkan peralatan berteknologi tinggi dan moden adalah tidak mustahil.

Bagi memastikan tahap pengetahuan dan kebolehan warga kapal selam sentiasa berada pada tahap yang tertinggi, ujian kompetensi dan pemeriksaan kelayakan secara berkala turut dilaksanakan. Sebagai golongan elit, *submariner* TLDM layak menerima elaun sebagai insentif kepada risiko yang ditanggung, kesukaran tugas, kepakaran khas dan tahap *profesionalisme* tinggi yang diperlukan dalam menjalankan tugas mereka. Ia turut berfungsi sebagai pengiktirafan dan penghargaan kepada tugas serta sumbangan yang mereka berikan dalam mempertahankan kedaulatan maritim negara.

Sumber : Markas Pemerintahan Kapal Selam

Foto : Sel Fotografi dan Penerbitan, MPKS

SUNGAI LUNCHOO NAVIGATION RUN OLEH KD GANYANG

Tim anjungan KD GANYANG menggunakan teknik Shooting Up semasa Panduarah Terang

JOHOR BAHRU, 10 Mac - KD GANYANG buat julung kalinya telah berjaya melaksanakan *Sungai Lunchoo Navigation Run* iaitu sebuah siri Latihan Navigasi Panduarah Terang dan Gelap di perairan Selat Tebrau, Johor yang dirancang khas bagi kapal-kapal Skuadron Kapal Pembina Laju Pertama (SKPL 1).

Inisiatif latihan ini merupakan cetus minda Panglima Wilayah Laut 1, Laksmana Muda Dato' Zulhelmy bin Ithnain. Latihan selama dua jam melalui *Narrow Channel* sejauh 18 batu nautika ini bertujuan meningkatkan tahap kompetensi dan keyakinan Pegawai Muda dan Tim Anjungan agar sentiasa siap siaga di dalam segala aspek.

KD GANYANG juga telah mencipta sejarah sebagai kapal pertama yang tiba di Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM di Pangkalan TLDM Sungai Lunchoo, Johor sejak Markas dibuka tahun lepas. Pegawai Memerintah KD GANYANG merangkap Pegawai Kanan Skuadron, Lt Kdr Thamendran Krishnan Kutty TLDM diiringi oleh Pegawai Memerintah KD GEMPITA, Lt Kdr Fariz Hedry Ling bin Firdaus Hedry Ling TLDM kemudian telah membuat kunjungan hormat ke atas

Panglima Pasukan Simpanan TLDM, Laksamana Pertama Zainul Rashid bin Abdullah.

Panglima Pasukan Simpanan TLDM berbesar hati mengalu-alukan kedatangan kapal ke Markas tersebut. Beliau turut menjemput kapal-kapal SKPL 1 melaksanakan latihan bersama warga Pasukan Simpanan TLDM pada masa akan datang agar dapat meningkatkan keupayaan TLDM ke peringkat yang lebih tinggi.

Sumber : KD GANYANG

Artikel : Lt Kdr Thamendran Krishnan Kutty TLDM

Foto : Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM & KD GANYANG

RISIKAN OLEH KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL**Situasi semasa melaksanakan IBM Bersama Bot Nelayan Tempatan (BNT)**

LUMUT, 17 Mac - KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL yang kini dalam Penugasan OP BENTENG LAUT siri 1/20 di sektor 5 Utara dan OP PEJARAK telah melaksanakan Inisiatif Bertukar Maklumat (IBM) dengan nelayan tempatan di sekitar perairan Tanjung Karang, Selangor.

Pegawai Memerintah Kdr Segar A/L Muniandy menasihatkan kepada semua kru bot nelayan tempatan yang ditemui agar sentiasa memberi kerjasama dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa tempatan ataupun Jabatan Laut Malaysia.

Pegawai Navigasi juga sempat memberikan nasihat kepada bot nelayan kelas kecil agar sentiasa utamakan keselamatan serta sentiasa peka terhadap persekitaran dan cuaca semasa. Selain itu, aspek keselamatan perlu diberi keutamaan untuk mengelakkan sebarang insiden atau kemalangan.

Setelah selesai melaksanakan IBM dengan empat buah bot nelayan, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL meneruskan rondaannya dalam misi bagi memastikan keselamatan perairan negara agar tidak dicerobohi oleh orang yang tidak bertanggungjawab, terutamanya Pendatang Tanpa Izin (PATI).

TLDM sentiasa memperkasakan penugasan OP BENTENG di bawah *National Task Force* (NTF) bagi memperkukuhkan sempadan perairan negara daripada dicerobohi PATI.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

HANYA JAUHARI MENGENAL MANIKAM (BATU PERMATA): PERKHIDMATAN TENAGA PAKAR AGENSI NUKLEAR MALAYSIA BAGI SELENGGARAAN KAPAL



TLDM merancang pada tahun ini untuk menggunakan teknologi nuklear bagi pelaksanaan selenggaraan untuk kapal. Berdasarkan pendekatan ini, TLDM adalah bakal Agensi Kerajaan yang pertama menggunakan teknologi nuklear bagi pelaksanaan selenggaraan terhadap Aset Tetap mahupun Aset Alih.

Pendekatan terkini ini dicetus hasil pertemuan peringkat strategik diantara Ketua Jurutera TLDM dengan Pengurusan Tertinggi Agensi Nuklear Malaysia pada awal tahun 2020. Namun lanjutan penularan pandemik Covid19 sejak bulan Mac 2020, inisiatif ini lewat dilaksanakan *kick-off*. Walau bagaimanapun inisiatif tersebut telah diaktifkan semula pada minggu ini di peringkat kerja melalui Engineering Working Group (EWG) MCMV Hull Assessment di Pangkalan TLDM Lumut.

EWG MCMV Hull Assessment terdiri daripada Cawangan Penguasa Kejuruteraan Armada (CPKA) iaitu *Directorate General Technical Seaworthiness* (DGTS) TLDM, Agensi Nuklear Malaysia, BV dan juga Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE). Bagi maksud ini, teknologi nuklear akan digunakan untuk melaksanakan pemeriksaan terhadap kondisi GRP hull (badan kapal) MCMV. Sebelum ini pemeriksaan *Non-Destructive Test* (NDT) dilaksana menggunakan sinar X-ray dan juga thermography screening. Kelebihan teknologi nuklear ialah pemeriksaan boleh dilaksanakan seperti *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) untuk mengetahui kondisi setiap lapisan GRP. Selain itu, pancaran tenaga nuklear boleh dilaksanakan semasa kapal di atas galangan (*upslip*) atau pun terapung di air.

Pihak TLDM mengucapkan penghargaan kepada Agensi Nuklear Malaysia di atas komitmen dan bantuan dalam aspek *know-how*, bak kata pepatah Hanya Jauhari yang Mengenal Manikam. Jika berkesan, pendekatan menggunakan teknologi nuklear akan diperluaskan di masa hadapan untuk kesejahteraan warga *Navy People* dan kesiagaan aset TLDM yang lain.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan, *RMN Chief Engineer Office*

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Kdr Mohd Redzuan bin Hj Abu Bakar TLDM

LEMBAGA KOMPETENSI KURSUS KELAYAKAN KETUA JABATAN KEJURUTERAAN (KKKJK) SIRI 9/21



Ahli Panel Lembaga Kompetensi serta Peserta Kursus KKKJK Siri 9/21

LUMUT, 22 Mac – Lembaga Kompetensi Kursus Kelayakan Ketua Jabatan Kejuruteraan (KKKJK) Siri 9/21 telah berjaya dilaksanakan di KD SULTAN IDRIS I. KKKJK ini adalah pra-syarat sebelum seseorang pegawai boleh dijawatkan sebagai Ketua Jabatan di Kapal atau sesuatu unit. KKKJK kali ini telah dipengerusikan oleh Asisten Ketua Staf Kejuruteraan selaku Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung dan Kepten Ir. Razali bin Mohd Arsad TLDM serta Kepten Ts. Mohd Faesac bin Talla TLDM

Cawangan Kejuruteraan adalah pelopor kepada keperluan Lembaga Kelayakan atau Temuduga Kelayakan di dalam TLDM. Pada awal tahun 1980an, ianya dikenali sebagai Peperiksaan Kepakaran (PPE - teknisyen yg akan dinaikkan ke pangkat Bintara Kanan) dan *Charger Ticket* (Bintara Kanan utk melayakkan Bintara menghadiri temuduga P/PW 11). Namun pada tahun 2016, penjenamaan semula PPE dan *Charger Ticket* telah dilaksanakan, iaitu diperkenalkan Kursus Iktisas Bintara Kejuruteraan (KIBK). Bagi pegawai pula, pendekatan yang sama telah dilaksanakan pada tahun 2013 dimana perlu menjalani KKKJK.

Bagi KKKJK Siri 9/21, seramai 7 Pegawai Kejuruteraan terlibat dan mereka telah didedahkan kepada keupayaan mentadbir urus jabatan kejuruteraan dalam bentuk strategi dan *know-how (roles and function)*, persiapan sebagai Ketua Jabatan yang akan disandang kelak.

Diharap mereka yang lulus Lembaga Kelayakan ini akan berkhidmat dengan cemerlang di Kapal/Unit akan datang sebagai Ketua Jabatan.

Sumber : Fakulti Logistik, KDSI I

Artikel : Lt Kdr Norzamzam bin Minirin TLDM

Foto : KDSI I

JASA BAKTIMU SEJERNIH AIR DI KALI LEFTENAN KOMANDER HJ SALIM BIN KASIM TLDM (BERSARA)



Lt Kdr Hj Salim bin Kasim TLDM (Bersara) seorang Veteran TLDM pada tahun 1985 adalah warga TLDM yang pertama menghasilkan Buku Rujukan Laut (BRL) untuk kegunaan TLDM. BRL tersebut ialah BRL 1985 Sistem Selenggaraan Kapal (SSK). Lebih membanggakan BRL ini menjadikan TLDM Agensi Kerajaan pertama di Malaysia yang mengkategorikan jenis selenggaraan Aset (dalam konteks ini: selenggaraan kapal) serta metodologi bagaimana hendak melaksanakan selenggaraan dengan jelas dan sistematik.

BRL 1985 SSK ini telah mengkategorikan selenggaraan kapal kepada 3:

1. Selenggaraan Berjadual (*Planned Maintenance*) termasuk Selenggaraan Pencegahan (*Preventive Maintenance*). Bagi Selenggaraan Pencegahan, ianya telah dipecahkan lagi kepada 3 Sub-kategori iaitu *Organisational Level Maintenance* (OLM), *Intermediate Level Maintenance* (ILM) dan *Depot Level Maintenance* (DLM). Sebelum tahun 1985, Senggaraan Pencegahan di dalam TLDM terbahagi kepada 4 Sub-kategori iaitu Line 1, Line 2 hingga Line 4.
2. Selenggaraan Pemulihan (*Corrective Maintenance*).
3. Selenggaraan Pembaikan (*Breakdown Maintenance*).

Sungguhpun BRL ini sudah 35 tahun diterbitkan, ianya masih relevan dan telah dilaksanakan semakan pada tahun 2002, manakala kemaskini kali ketiga pada tahun 2020. Agar terus kekal relevan, BRL 1985 tersebut telah dilestari agar menepati IR4.0 supaya pelaksanaannya kelak adalah di semua peringkat formasi mengguna pakai *Big Data Analytic*.

Selain jasa yang signifikan dalam profesion kejuruteraan, dalam aspek sukan Lt Kdr (B) Hj Salim juga aktif khususnya dalam acara menembak. Semasa di dalam perkhidmatan, beliau merupakan atlet sukan menembak dan bersama-sama menubuhkan Persatuan Menembak TLDM di Pangkalan TLDM Lumut.

Kini walaupun Veteran TLDM ini telah berusia melebihi 70 tahun, sumbangan Lt Kdr (B) Hj Salim Kasim TLDM (Bersara) masih berterusan. Beliau aktif dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan iaitu MASTRA (Persatuan Strategik Maritim Malaysia) sebagai Timbalan Presiden. Sehubungan itu, beliau kerap dijemput sebagai konsultan untuk bertukar idea dengan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* serta *Technology Depository Agency (TDA)* dalam hal berkaitan industri marin di Malaysia.

Justeru peninggalan JASA BAKTI Lt Kdr Hj Salim Kasim TLDM (Bersara) SEJERNIH AIR DI KALI. Perkara ini wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga *Navy People*.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Kdr Hj Salim Kasim TLDM (Bersara)

COFFEE TABLE SESSION WAKIL MMHE DENGAN KETUA JURUTERA TLDM



KUALA LUMPUR, 24 Mac - Dua wakil Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE) yang beribu pejabat di Pasir Gudang, Johor iaitu *Senior General Manager (Marine Business)* Lt Kdr Ir. Hisham bin Haron TLDM (Bersara) dan CEO MMHE EPIC Marine & Services Sdn Bhd, Lt Kdr Ir. Mohd Hilme bin Abu Kassim TLDM (Bersara) melaksanakan pertemuan dengan Ketua Jurutera TLDM. Perbincangan sepanjang sesi tersebut adalah berkisar mengenai peluang, cabaran dan inisiatif berimpak tinggi melibatkan industri *Ship Building & Ship Repair (SBSR)*.

Hasil pertemuan, Ketua Jurutera TLDM dan pemain di industri SBSR perakui bahawa negara perlu mengorak langkah secara bijak dan berkesan untuk memastikan industri berat seperti SBSR ini berdaya saing serta terus kekal mampan. Bagi hasrat ini, TLDM sebagai salah satu penyumbang utama industri SBSR akan terus menyokong limbungan tempatan yang berdaftar dan layak. Selain itu Ketua Jurutera TLDM turut memaklumkan bahawa pemain di industri perlu menembusi pasaran di rantau ini, khususnya *niche market*.

Hasil *Coffee Table Session*, sebahagian intipati cabaran yang dibincang akan diangkat oleh Ketua Jurutera TLDM di persada yang sesuai, diantaranya mengutarakan di platform khusus sedia ada, menerbitkan artikel yang berkaitan di Jurnal Badan Profesional untuk perhatian Pembuat Dasar dan sebagainya.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Muhamad Shafie b. Mohd Jusoh TLDM

KESIAGAAN ASET ARMADA TIMUR TERUS DIPERTINGKAT MELALUI PENGANJURAN PERANG BORNEO SIRI 3/21



KD SELANGOR sebagai Ketua Gugus Tugas (CTG) berjaya laksanakan Penembakan

76mm Medium Range Gun atau A-Gun dalam Perang Borneo 3/21 semalam

KOTA KINABALU, 26 Mac - Perang Borneo Siri 3/21 terlaksana penuh jaya di sekitar Perairan Laut China Selatan semalam.

Siri latihan kali ini telah melibatkan lima buah kapal Armada Timur seperti KD SELANGOR, KD KEDAH, KD SUNDANG, KD SERANG dan KD GANAS serta tiga buah kapal Markas Wilayah Laut 2 iaitu KD YU, KD TODAK dan KD PARI. Turut menyertai latihan kali ini adalah Helikopter Fennec TLDM serta sebuah Bot Tempur CB90.

Eksesais Intra-TLDM ini dilaksanakan bertujuan menguji dan menilai keupayaan serta kesiagaan aset Armada Timur dalam peperangan maritim terutama dalam aspek peperangan, navigasi dan ilmu kelautan.

Selain menguji tahap keupayaan anggota serta aset yang beroperasi di Sabah, eksesais ini turut bertujuan memperagakan kehadiran TLDM di Perairan Laut China Selatan di samping menjadi platform persediaan bagi warga #NavyPeople yang akan menyertai Eks KERISMAS yang dijangka dilaksanakan di pertengahan tahun nanti.

Sumber : Bahagian Komunikasi Strategik MPA Timur

BETTER LATE THAN NEVER INISIATIF MEWUJUDKAN SME LLP CAWANGAN KEJURUTERAAN



Sesi bergambar Bersama ahli Bengkel SME LLP

SITIAWAN, 24 Mac – Inisiatif mewujudkan *Subject Matter Expert* (SME) di kalangan warga LLP Cawangan Kejuruteraan sedang dimulakan. Bagi *kick-off* keperluan ini, inisiatif awal melibatkan pembangunan modul SME telah dilaksanakan melalui Bengkel Khas di SKTLDM Parit, Perak dari 24 hingga 26 Mac 21. Bengkel Khas ini dihadiri oleh Pegawai Kejuruteraan dan Bintara Teknisyen yang berkeelayakan serta terpilih sahaja.

Hasrat mewujudkan SME LLP adalah selaras dengan pendekatan TLDM untuk memperkasakan Teknisyen TLDM agar selari dengan keperluan kompetensi di Armada, selain akan marketable di pasaran/industri kelak apabila mereka menamatkan perkhidmatan. Justeru diantara strategi jangka panjang adalah:

- a. Mendaftar senarai SME LLP Kejuruteraan mengikut Pekeliling Kerajaan berkuatkuasa, berdasarkan kesesuaian kepakaran diperlukan untuk pengoperasian serta senggaraan Aset Pertahanan.
- b. Merangka laluan kerjaya jangka panjang dan interim untuk bakal Teknisyen TLDM yang menjadi SME kelak.

Pembangunan SME LLP ini diketuai oleh Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph selaku Pengerusi Penyelia Tred dan Kepakaran (PTK) Kejuruteraan, juga sebagai Pengarah Kanan CPKA, yakni *Directorate General Technical Seaworthiness* (DGTS). Beliau telah memberikan beberapa strategic guidance dan pendekatan untuk modul SME sebelum boleh diangkat ke Pengurusan Tertinggi TLDM bagi perakuan seterusnya.


Pembangunan SME LLP Cawangan Kejuruteraan ini adalah salah satu inisiatif terkini CawanganKejuruteraanbagimemperkasakan *in-house capability* dan mengurangkan *outsourcing dependency* untukperkhidmatansenggaraan mahupun pembaikan di masa akan datang secara berperingkat. Hasil pembangunan SME melalui Bengkel Khas ini boleh digunakan untuk penambahbaikan berterusan (Kaizen) bagi melestarikan pengurusan sumber manusia di Cawangan Kejuruteraan. Dijangka inisiatif ini akan memberi *Return of Investment (ROI)* yang tinggi, bukan sahaja kepada TLDM malah kepada anggota LLP yang bakal layak dan diiktiraf sebagai SME.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksmana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Cawangan Pembangunan Sumber, Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

SEKALUNG TAHNIAH LAKSAMANA PERTAMA DATO' Ir. Dr. Haji AHMAD MURAD BIN Haji OMAR (BERSARA)



KUALA TERENGGANU, 27 Mac - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Veteran TLDM, Laksamana Pertama Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar (Bersara) di atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi (PhD) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hari ini, sempena Konvokesyen UMT Ke-18.

Penganugerahan PhD ini membanggakan TLDM kerana merupakan warga *Navy People* yang pertama menerima PhD dalam Teknologi, dan yang kelima menerima PhD dari UMT selepas:

1. Laksamana Tan Sri Dato' Setia Dr. Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor (Bersara) - Doktor Pengurusan pada tahun 2007
2. Laksamana Tan Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj Jaafar (Bersara) - Doktor Pengurusan pada tahun 2015
3. Laksamana Madya Tan Sri Dato' Seri Dr. Ahmad Ramli bin Hj Mohd Nor (Bersara) - Doktor Pengurusan pada tahun 2016
4. Laksamana Tan Sri Dato' Seri Panglima Dr. Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin - Doktor Pengurusan pada tahun 2019

Penganugerahan PhD ini adalah lanjutan sumbangan berterusan dan berimpak tinggi Laksamana terhadap arus pendidikan negara serta Badan Profesional di negara ini. Lebih membanggakan, Laksamana adalah Ahli Lembaga *Board of Engineer* (BEM) Malaysia untuk tahun 2020 hingga 2021, iaitu melakar sejarah sebagai warga TLDM yang pertama menyandang posisi tertinggi di bawah Akta Jurutera 1967. Maklumat tambahan jasa bakti Laksamana adalah seperti di pautan berikut: <https://www.facebook.com/355294844528530/posts/2980821591975829/>

Sesungguhnya penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi ini wajar dijadikan motivasi dan inspirasi kepada warga *Navy People*.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Mk Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Laksamana Pertama Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar (Bersara)

KALAU TIDAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA KEPERLUAN CERTIFIED ACCREDITED PROJECT MANAGER DI DALAM TLDM



Sesi bergambar oleh Pengarah Kanan CPKA, peserta kursus dan tenaga pengajar

LUMUT, 29 Mac - Inisiatif melahirkan lebih ramai Pengurus Projek yang kompeten dan diiktiraf oleh Badan Profesional antarabangsa di kalangan warga *Navy People* telah dimulakan. Bagi *kick-off* keperluan ini, kursus *Certified Project Manager* telah dilaksanakan secara *outsource* selama seminggu bermula hari ini di Fakulti Kejuruteraan, KD PELANDOK. Kursus kelayakan ini melibatkan 10 pegawai dari ketiga-tiga Cawangan iaitu Eksekutif, Kejuruteraan dan Bekalan.

Inisiatif melahirkan Pegawai TLDM yang kompeten dan diiktiraf di dalam pengurusan projek adalah selari dengan keperluan TLDM iaitu bagi pengurusan projek berimpak tinggi seperti program *Littoral Mission Ship (LMS)*, *Fast Interceptor Craft (FIC)*, penambahbaikan *Combat Management System (CMS)*, *Obsolescence Management (OM)* dan *Obsolescence Program(OP)*.

Pada masa ini, TLDM hanya memiliki 4 Pegawai yang diiktiraf oleh Badan Profesional antarabangsa dalam bidang pengurusan projek iaitu:

1. Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung - *The Australian Institute of Project Management (AIPM)*.
2. Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph - *Project Management Institute (PMI)*, Amerika Syarikat.
3. Lt Kdr Ir. Lee Juan Jym TLDM - *Project Management Institute (PMI)*, Amerika Syarikat.

4. Lt Kdr Jeffery Daneil Ng SeeEnTLDM- *Projects in Control Environments* (PRINCE2), United Kingdom.

Kursus kelayakan ini disempurnakan oleh Laksamana Pertama Ir. Ts. Franklin J. Joseph, Pengarah Kanan Cawangan Penguasa Kejuruteraan Armada (CPKA) yang juga merupakan *Project Manager Professional* (PMP) yang diiktiraf oleh *Project Management Institute* (PMI), Amerika Syarikat. Beliau turut berkongsi ilmu dan pengalaman yang dimiliki, disamping menyampaikan hasrat Pengurusan Tertinggi TLDM untuk melahirkan warga *Navy People* yang kompeten dalam pengurusan projek.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : KD PELANDOK

AMSAS ANJUR KURSUS INTERMEDIATE INTERDICTION SIRI 1

KUANTAN, 26 Mac - Kursus *Intermediate Interdiction* Siri 1 Bil 1/2021 telah dilaksanakan pada 22 hingga 26 Mac 21 di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) Sungai Ular, Gebeng Kuantan, Pahang. Kursus ini dikoordinasikan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang disertai oleh 22 Pegawai APMM dan dua orang Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Objektif utama kursus ini adalah memberi penekanan khusus berpandukan *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam meningkatkan pengetahuan secara teori dan praktikal dalam menggeledah. Selain itu, adalah untuk meningkatkan kebolehan melaksanakan teknik mempertahankan diri dan mengawal situasi yang kritikal serta meningkatkan kemahiran dan keyakinan pegawai sebagai Pegawai Geledah.

Konsep pembelajaran dan pengajaran yang diimplementasikan oleh AMSAS adalah penglibatan semua jurulatih yang telah disenaraikan akan hadir bersama di dalam kelas dan membantu jurulatih yang ditugaskan untuk mengajar bagi setiap modul dari sesi demonstrasi, tambahan fakta serta perkongsian pengalaman semasa jurulatih tersebut berkhidmat di lapangan.

AMSAS telah menyediakan fasiliti khas untuk kegunaan kursus-kursus *Interdiction* di mana, kelas dan tempat pelaksanaan latihan adalah ditempat yang sama. Setelah selesai menjalani kelas teori dan praktikal, peserta kursus telah didedahkan dengan Latihan Menggeledah yang melibatkan Latihan Menggeledah Tahap 1 dan 2 serta Latihan Menggeledah Sebenar.

Sepanjang Latihan Praktikal ini dijalankan semua juruatih terlibat sebagai penilai dan juga Tekong serta Awak-Awak bagi menimbulkan situasi sebenar semasa proses pengeledahan dijalankan. Penglibatan TLDM di dalam kursus ini wajar diteruskan agar Pegawai Geledah mendapat pendedahan secara lebih khusus terhadap prosedur menggeledah serta tugas dan tanggungjawab sebagai seorang *Boarding*

Officer (BO). Selain itu, fasiliti dan kepakaran APMM adalah lebih meluas dalam melaksanakan pemeriksaan dan pengeledahan dan amat bermakna untuk TLDM menimba pelajaran dari pengalaman ini.

Usahasama serta kerjasama antara TLDM dan APMM perlu diteruskan agar kursus seperti ini dapat diselaraskan dan penyertaan dari kedua-dua agensi dapat menghasilkan BO yang professional serta seragam dalam melaksanakan tugas semasa di lapangan.

Sumber : Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

Artikel : Lt Ahmad Faris bin Fadzil TLDM

Foto : Lt Dya (M) Mohd Shukri bin Ishak

TLDM DAN APMM OPTIMUMKAN PENGGUNAAN RECOMPRESSION CHAMBER



Majlis tandatangan penyerahan RCC

LANGKAWI, 5 Apr – TLDM dan APMM hari ini selesai melaksanakan serah terima 2 *Men Recompression Chamber* (RCC). Peralatan ini telah diserahkan oleh APMM kepada TLDM untuk kegunaan operasi selam di negara ini. RCC ini merupakan *small lightweight recompression chamber* jenis 2 *Men (one patient and one attendant)*. Ia digunakan untuk melaksanakan penyahmampatan ke atas penyelam dan merawat penyakit penyelaman sebelum menerima rawatan lanjut dengan *hyperbaric*.

Inisiatif sedemikian di antara TLDM dan APMM dijangka akan meningkatkan keupayaan Markas Selam dan Peperangan Periuk Api TLDM ke arah sebagai *Centre of Excellence* (CoE) keupayaan selam negara. Upacara tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan APMM Langkawi, En. Ahmad Fuad bin Ishak dan Panglima Selam dan Peperangan Periuk Api, Laksamana Pertama Abdullah Sani bin Ismail.

Beberapa inisiatif baharu juga sedang dirangka di antara TLDM-APMM melibatkan aktiviti *Search & Rescue*. Sehubungan itu, warga *Navy People* perlu terus berusaha mengoptimumkan sumber ke arah kecemerlangan.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Pejabat Perhubungan Raya, Markas Wilayah Laut 3

PERTUKARAN PUCUK KEPIMPINAN TERTINGGI MARKAS Pemerintahan Armada Barat



Serah Tugas Panglima Armada Barat berjalan lancar

LUMUT, 5 Apr – Hari ini dalam lipatan sejarah warga *Navy People* apabila kepimpinan tertinggi Armada Barat iaitu YBhg Laksamana Madya Dato’ Muhamad Ridwan bin Abdul Rahman secara rasmi menyerahkan tampuk pemerintahan Markas Pemerintahan Armada Barat (MPAB) kepada YBhg Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd Ajis setelah mengemudi Armada Barat selama 227 hari sebelum bertukar keluar sebagai Asisten Ketua Staf Sumber Manusia.

Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd Ajis telah diberi kepercayaan bagi memimpin warga *Navy People* di Pangkalan TLDM Lumut sebagai Panglima Armada Barat ke-26. Upacara penyerahan tugas ini telah disaksikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany di KD SRI GOMBAK. Warga *Navy People* di Pangkalan TLDM Lumut, turut sama menyaksikan upacara penurunan insignia pemerintah dan pertukaran teropong simbolik pertukaran tampuk pemerintahan secara lansung dalam talian di Auditorium Zain PUSTAKMAR Lumut Perak.

Rangkuman sepanjang Program Penghargaan Panglima Armada Barat sebelum Majlis Serah Terima Tugas, iaitu dimulia dengan Perbarisan Penghargaan Panglima Armada Barat di Padang Kawad KD PELANDOK pada 31 Mac 2021, diikuti dengan Majlis Ramah Mesra Penghargaan di Auditorium M. Sidek Shabudin KD PELANDOK dan Serambi Markas Pemerintahan Armada Barat. Pada tanggal 2 Apr 2021 diadakan *Fleet Review* daripada aset-aset dibawah Pemerintahan Panglima Armada Barat serta Street Lining sebagai tanda mengiringi kepulangan YBhg Panglima Barat dan pada sebelah malam pula diadakan Majlis Makan Malam Beradat “Mess Dinner”, merupakan tradisi dalam TLDM.

Buat Mantan Panglima Armada Barat jasa YBhg Dato’ sentiasa dikenang dan kami mengucapkan selamat datang buat Panglima Armada Barat yang baru dan tahniah diucapkan atas kenaikan pangkat YBhg Datuk. Warga *Navy People* di Pangkalan Lumut Perak mengalu-alukan kedatangan YBhg Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd Ajis sebagai PA Barat yang ke-26.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

PAT RASMIKAN CHIEFS' CIRCLE TALK SIRI 1/2021***Chiefs' Circle Talk siri 1/2021 anjuran Malaysian Institute of Defence & Security (MiDAS)***

KUALA LUMPUR, 7 Apr - Sesi pertama *Chiefs' Circle Talk* (CCT) untuk tahun ini telah dirasmikan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM di Wisma Perwira ATM. Forum anjuran MiDAS ini melibatkan barisan pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan dan ATM serta melibatkan mantan-mantan Panglima Angkatan Tentera, Panglima Perkhidmatan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyampaikan ucapan secara rakaman. Enam mantan PTL turut hadir ke sesi hari ini yang bertemakan "Pelaksanaan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara".

Forum ini merupakan platform dialog bagi stakeholders dalam sektor keselamatan dan pertahanan untuk mengupas secara lebih mendalam kandungan yang terdapat di dalam Kertas Putih Pertahanan. Selain itu, CCT kali ini juga membincangkan perkembangan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara dan hala tujunya.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

PELANCARAN TABUNG IHYA' RAMADAN DAN SUMBANGAN TABUNG ZAKAT ATM



KUALA LUMPUR, 9 Apr - Majlis Pelancaran Tabung Ihya' Ramadan dan Sumbangan Tabung Zakat ATM 1442H telah disempurnakan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM di Masjid Khalid bin Al-Walid hari ini.

Ungkapan Ihya' Ramadhan membawa maksud memeriahkan atau menghidupkan bulan Ramadhan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah demi mendapatkan keredhaan dari Allah SWT. Program Ihya' Ramadhan yang dipimpin oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) ini juga bertujuan memupuk semangat warga ATM yang beragama Islam untuk meningkatkan penghayatan dan amalan terhadap agungnya bulan yang penuh dengan keistimewaan ini

Dalam ucapan beliau, Panglima Angkatan Tentera berkata dengan kewujudan Tabung Ihya' Ramadan ini, peluang untuk kita memperbanyakkan amal jariah serta membelanjakan harta ke jalan Allah akan lebih dipermudahkan. Hasil yang diperolehi daripada kutipan tabung Ihya' Ramadhan ini akan digunakan untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan aktiviti-aktiviti sepanjang bulan Ramadhan seperti penyediaan juadah berbuka puasa serta pelaksanaan program memasak dan mengagihkan bubur lambuk.

AKS Kejuruteraan, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah telah mewakili Panglima Tentera Laut menerima sumbangan untuk TLDM. Turut hadir Panglima Tentera Darat, Ketua Staf Markas ATM, wakil Panglima Tentera Udara dan wakil Panglima Angkatan Bersama.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

BENKEL MEMPERKASA KAEDAH BAGI PENGURUSAN PENUGASAN PEGAWAI DAN ANGGOTA KEJURUTERAAN



Sesi bergambar Bersama ahli Bengkel

BUTTERWORTH, 9 Apr – Inisiatif untuk memperkasakan *tool* sedia ada agar menggunakan *big data analytic* bagi keperluan perancangan penugasan Pegawai Jurutera TLDM dan anggota teknisyen di Kapal/Unit sedang dirangka. Justeru bagi *kick-off* keperluan ini, bengkel mengemaskini Senarai BPR, penyelarasan RALA agar relevan, selain verifikasi data sumber manusia warga teknikal telah dilaksanakan di Unit Bantuan Utara TLDM, Butterworth dari 6 hingga 9 Apr 21. Bengkel telah dihadiri oleh Pegawai Kejuruteraan dari unit yang terpilih.

Tool yang diperkasakan ini akan menggunakan *Artificial Intelligence (AI)*, selain *deep learning* dijangka melancarkan lagi perancangan penugasan Pegawai Jurutera TLDM serta warga teknikal secara lebih meluas serta efektif. Salah satu pendekatan penugasan ialah “*deployment within respective flotilla cluster*”.

Selain keperluan perancangan penugasan di Kapal/Unit, bengkel turut merangka mekanisme agar *tool* sedia ada ini membolehkan usaha untuk mengenal pasti calon sumber manusia teknikal bagi dijadikan *Subject Matters Expert (SME)* dapat direalisasikan, tertakluk kepada data berkaitan *attitude* dan prestasi kerja.

Output pelaksanaan bengkel ini serta *tool* yang diperkasa akan memastikan pengisian perjawatan Pegawai Kejuruteraan serta anggota teknikal di masa akan datang adalah lebih berkesan, menggunakan pendekatan IR4.0.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Cawangan Pembangunan Sumber, Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

TLDM PENCETUS PENGGUNAAN TEKNOLOGI LASER CLADDING YANG PERTAMA OLEH INDUSTRI DI MALAYSIA



IPOH, 12 Apr - Ketua Jurutera TLDM serta delegasi yang terdiri daripada wakil Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE - *Science Technology Research Institute for Defence*), Kementerian Pertahanan hari ini telah melaksanakan lawatan kerja bagi meninjau keupayaan pemesian menggunakan teknologi *laser cladding* di Syarikat Tai Chong Marine Engineering Sdn Bhd (TCMarine) Menglembu, Ipoh. Turut hadir adalah beberapa pemain industri seperti Wartsila dan Labuan Shipyard & Engineering. Teknologi *laser cladding* ini merupakan yang pertama terdapat di Malaysia dan kedua di Asia Tenggara.

Lawatan kerja ini adalah susulan *Engineering Directive* oleh Ketua Jurutera TLDM melalui *Engineering Release* (EngR) No. 4 pada tahun 2020. EngR ini menjadikan TLDM sebagai entiti pertama di Malaysia yang menetapkan selenggaraan *shafting* peralatan yang berisiko boleh terdedah kepada air laut yang masin HENDAKLAH (*Shall*) menggunakan kaedah *laser cladding*, bukan secara konvensional seperti *White Metal Spray* atau *Welding*. EngR tersebut dikuatkuasa setelah dilaksanakan *Cost Benefit Analysis* (CBA). Hasil CBA mendapati *laser cladding* terhadap *shaft* memberi ROI yang lebih baik kepada kerajaan berbanding *White Metal Spray*.

Firma TCMarine adalah firma pertama yang menyahut keperluan kejuruteraan yang dicetus oleh pihak TLDM apabila *RMN EngR* dikeluarkan. Mesin ini diyakini bukan sahaja memenuhi keperluan TLDM, malah berupaya menyokong keperluan kejuruteraan dalam industri berat negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, *oil & gas* dan sebagainya. Selain itu, terdapat ruang dan peluang yang besar untuk menembusi permintaan tinggi di rantau Asia Tenggara.

Warga *Navy People* wajar berbangga TLDM adalah pencetus inisiatif ini dengan menetapkan *standard* kejuruteraan yang dikehendaki, di mana telah disahut oleh pemain industri marin. Hasil inisiatif ini dijangka akan memberi *spill-over* yang tinggi kepada perkembangan industri berat negara.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

PENYERAHAN BAUCER KELENGKAPAN SEKOLAH OLEH BAKAT LAUT



LUMUT, 12 Apr - Majlis Penyerahan Baucer Kelengkapan Sekolah telah disempurnakan oleh isteri Pegawai Memerintah KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL (KD LTAJ) Puan Saraswathy Mohan selaku Pengerusi BAKAT (L) KD LTAJ. Turut dilaksanakan Majlis Pemakaian Pangkat, Penyampaian Anugerah Bintang dan Laskar Terbaik serta Sambutan Ulang Tahun Kelahiran warga.

Terdahulu, telah diadakan Acara Pemakaian Pangkat yang disempurnakan oleh Pegawai Memerintah KD LTAJ, Kdr Segar A/L Muniandy TLDM. Seramai 3 warga KD LTAJ dinaikkan pangkat dari Bintara Muda ke Pemangku Bintara Kanan. Acara diteruskan dengan penyerahan Baucer Kelengkapan Sekolah daripada BAKAT Laut kepada warga yang layak bertujuan untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Seterusnya, penyampaian anugerah bagi Bintang dan Laskar Terbaik bagi Suku Tahun Pertama Tahun 2021 yang dinilai berdasarkan komitmen dan kecemerlangan anggota. Penerima menerima Sijil dan wang tunai sebagai tanda penghargaan. Majlis diakhiri dengan meraikan ulang tahun kelahiran warga yang dilahirkan pada bulan Januari hingga Mac dengan acara pemotongan kek dan sesi bergambar.

Sumber : KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

MEREALISASIKAN STRATEGI TLDM MELALUI PEMBANGUNAN BRL 1



Sesi bergambar bersama pensyarah jemputan dan fasilitator

SG. LUNCHOO, 5 Apr – Selari dengan aspirasi Kertas Putih Pertahanan (KPP) dan ketetapan Strategi Ketenteraan Negara (SKN), Bahagian Inspektorat Jeneral (BIJ) telah menganjurkan Bengkel Pertama Pembangunan BRL 1 - Strategi TLDM mulai 5 hingga 8 Apr 21 di Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM. Objektif utama bengkel adalah untuk membentuk pemahaman yang sekata kepada peserta bengkel dan seterusnya membangunkan kerangka penulisan BRL 1 yang memenuhi aspirasi KPP dan SKN 2.0 dalam aspek kebersamaan (*jointness*).

Bengkel ini melibatkan kehadiran semua ahli yang terdiri daripada wakil setiap Bahagian di Markas Tentera Laut. Kept (K) Prof Dato' Dr Zakaria bin Ahmad PSSTLDM, iaitu Felo Kehormat Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Lt Kol Abang Raduan bin Abang Madihi TUDM yang merupakan ahli tim penulisan SKN 2.0 telah dijemput untuk memberikan taklimat pembangunan KPP dan SKN 2.0. Manakala, Kept Mohd Yusri bin Yusoff TLDM dari Markas Pemerintahan Kapal Selam telah dijemput sebagai fasilitator sepanjang bengkel dilaksanakan bagi membimbing peserta dalam mencapai objektif yang telah digariskan.

BRL 1 Strategi TLDM merupakan dokumen induk (*capstone document*) yang akan dijadikan sumber rujukan utama bagi pembangunan BRL lain di peringkat strategik, operasi dan taktikal. Ianya penting bagi menentukan hala tuju TLDM untuk tempoh jangka panjang terutama dalam memenuhi pembangunan keupayaan dalam domain maritim selaras Keupayaan Angkatan Masa Hadapan di dalam KPP.

Sumber : Bahagian Inspektorat Jeneral

Artikel : Kept Syanaz bin Ibrahim TLDM

Foto : Lt M Mohd Noordin bin Hasanuddin PSSTLDM

SEKALUNG TAHNIAH : KD JERONG KAPAL KELIMA SELESAI REPOWERING



KD JERONG

SANDAKAN, 11 Apr - KD JERONG yang merupakan salah satu kapal di *Skuadron Fast Attack Craft* (FAC) kelas Meriam merupakan kapal kelima selesai menjalani *repowering* melibatkan sistem kuasagerak (*propulsion system*) secara total. *Repowering* ini adalah projek penggantian kesemua jentera utama, kotak *gear*, *shafting*, *propeller* dan set janakuasa dimana ianya sebahagian skop rutin *refit* KD JERONG di Limbungan Weldan Marine Services Sdn Bhd.

Hasil inisiatif *repowering* ini telah membolehkan sebahagian aset di Armada TLDM diberi nafas baharu dengan peningkatan keupayaan beroperasi, jangka hayat lebih panjang, *supportability* yang lebih baik dan memberi ROI yang tinggi kepada TLDM/Kerajaan. Di antara ROI yang dimaksudkan adalah seperti penggunaan minyak yang jimat kerana menggunakan teknologi moden, MTBO (*Mean Time between Overhaul*) yang lama, kadar pelepasan karbon yang rendah, kos alat ganti akan datang yang kompetitif dan sebagainya.

Inisiatif *repowering* terhadap FAC telah bermula sejak penghujung tahun 2017 setelah ianya diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi TLDM. Inisiatif tersebut adalah cetusan idea warga *Navy People* di mana sebelum ini, pendekatan sedemikian boleh dianggap MUSTAHIL untuk direalisasikan. Justeru, warga *Navy People* wajar berbangga dengan inisiatif ini dan disaran terus berinovasi untuk meningkatkan keupayaan operasi Armada TLDM, khususnya dalam aspek *Man, Machine and Method (Process)*.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Fatin Atikah binti Anizam TLDM

MK PL MENGIKTIRAF DAN MENGHARGAI WARGA NAVY PEOPLE YANG CEMERLANG



Tahniah. KOMPAL menyampaikan sijil penghargaan kepada Bintara Berkualiti bagi Suku Pertama 2021

LUMUT, 12 Apr – Bertempat di serambi Markas Pangkalan Lumut, telah berlangsung majlis pemakaian pangkat bagi warga Markas Pangkalan Lumut dan Unit Bawah Naungan. Majlis penuh bermakna ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan oleh kepimpinan tertinggi terhadap warga *Navy People*. Majlis ini telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan Lumut (KOMPAL) Laksamana Pertama Dato Anuar Bin Hj Alias (PGB).

Majlis dimulakan dengan Pemakaian pangkat kepada 20 x anggota lain-lain pangkat (LLP). Di ikuti dengan penyampaian sijil Penghargaan kepada Bintara, Laskar dan Staf Awam Berkualiti Suku Tahun Pertama 2021:

Bintara Berkualiti - BK TNL Jamalul Nasir bin Mohamed Isa

Laskar Kualiti - LK TNL Yusri bin Yusoff

Staf Awam Kualiti - Puan Siti Barakah binti Mohamad

Dalam ucapan KOMPAL, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat dan berharap dengan kenaikan pangkat tersebut dapat dijadikan pemangkin semangat untuk terus berusaha dan menabur bakti kepada perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Majlis selesai dengan bacaan doa oleh PW II Mohamad Hisam Bin Mohd Noor.

Tahniah diucapkan!

Sumber : Pejabat IT Markas Pangkalan Lumut

KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL LAKSANA RONDAAN PENGAWASAN DI SELAT MELAKA



Aktiviti pemeriksaan keatas BNT oleh anggota TLDM

LUMUT, 19 Apr – KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dalam operasi melaksanakan rondaan Pengawasan Selat Melaka (MSSP) dan Op PEJARAK telah membuat pemeriksaan ke atas sebuah bot nelayan tempatan (BNT) di sekitar perairan Pulau Perak pada jam 11.36 pagi.

Semasa pemeriksaan ke atas BNT jenis PKFB 1532 yang didaftarkan di Bagan Panchar, Pantai Remis, Perak diperamati seramai 20 orang awak-awak termasuk tekong dikenal pasti warganegara Thailand. Pemeriksaan dibuat dengan lebih mendalam termasuk pengenalan diri, kesimpulannya kesemua awak-awak dan tekong kapal didapati mempunyai dokumen dan pengenalan diri yang sah.

Hasil pemeriksaan tiada barang terlarang dan berbahaya ditemui. BNT telah memberikan kerjasama kepada anggota KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dalam operasi yang dijalankan. BNT ini menjalankan aktiviti perikanan dengan menggunakan Pukat Jerut. Tekong juga memaklumkan sepanjang menjalankan aktiviti perikanan di kawasan tersebut tiada sebarang aktiviti penyeludupan PATI atau bot-bot yang mencurigakan di perairan negara.

Berdasarkan kerjasama yang diberikan oleh BNT tersebut dilihat komuniti maritim bersedia untuk membantu pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Selesai pemeriksaan, bot dilepaskan dan kapal meneruskan rondaan.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

PEMBANGUNAN PELAPORAN DIREKTIF STRATEGIK PANGLIMA TENTERA LAUT



Peserta bengkel bersama Inspektor Jeneral, KP Hidrografi dan pensyarah jempunan

PULAU INDAH, 19 Apr – Bahagian Inspektorat Jeneral, Markas Tentera Laut telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Pelaporan Direktif Strategik Panglima Tentera Laut (DS PTL) mulai 19 hingga 21 Apr 21 bertempat di Pusat Hidrografi Nasional. Objektif utama bengkel adalah untuk membentuk pemahaman yang sekata kepada setiap peserta bengkel berhubung format pelaporan DS PTL dengan menggunakan perisian *Microsoft Project*.

Bengkel selama 3 hari ini melibatkan kehadiran peserta-peserta yang terdiri daripada wakil Pengurusan Strategik dari Markas Pemerintahan dalam TLDM. Kdr Ir. Dr. Arman bin Ariffin TLDM, Pegawai Memerintah UPS Labuan telah dijemput untuk memberikan taklimat penggunaan perisian *Microsoft Project* dan pada masa yang sama bertindak sebagai fasilitator sepanjang bengkel dilaksanakan bagi membimbing peserta dalam mencapai objektif yang telah digariskan.

Keberhasilan bengkel yang dihasratkan adalah bagi menghasilkan format pelaporan DS PTL yang komprehensif dan seragam dengan menggunakan perisian *Microsoft Project*. Ini bagi memudahkan proses pemantauan serta menghasilkan *Dashboard* pelaporan DS PTL untuk pemantauan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurusan Strategik TLDM dengan menggunakan perisian *Arc Geographic Information System (ArcGIS)*.

Sumber : Bahagian Inspektorat Jeneral, Markas Tentera Laut
Artikel : Lt Kdr Cheng Liang Tsai TLDM (PS 1 Prestasi)
Foto : LK I HDI Baihaqi bin Mustapa

KE ARAH MELAHIRKAN PEGAWAI MUDA YANG KOMPETEN DALAM SISTEM PERSENJATAAN KAPAL



Sesi bergambar bersama Peserta KPPK 2 (WE - C&S 1) Siri 3/21

LUMUT, 23 Apr – Dalam peperangan moden hari ini, Sistem Persenjaan melibatkan *Command, Control and Surveillance* di sesebuah kapal perang adalah kritikal bagi kejayaan sesuatu misi. Justeru bagi memastikan sistem ini berfungsi sepenuhnya, selenggaraan yang berkesan dan keupayaan mengoperasikannya secara optimum adalah penting. Bagi mencapai matlamat ini, Kursus Pertengahan Pegawai Kejuruteraan 2 (*WE – Command and Surveillance 1*) Siri 3/21 selama tiga minggu telah dilaksanakan di KD SULTAN IDRIS I. Bak kata pepatah “Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”. Dengan yang demikian, seramai 12 pegawai berpangkat Leftenan Madya TLDM telah menjalani latihan ini.

Melalui latihan ini, Pegawai Muda kejuruteraan Elektrik dan Senjata dilatih dalam aspek *Command and Control System, Surveillance System (Surface and Air), Surveillance System (Underwater)* dan *Fire Control System (FCS)*. Ilmu ini adalah sebagai bekalan (persiapan) dijawatkan di kapal TLDM. Sebahagian Pegawai akan dikenal pasti untuk dijadikan *Subject Matter Expert (SME)*.

Selain ilmu *Command, Control and Surveillance*, sedikit pendedahan kepada Sistem Selenggaraan Kapal (SSK) bagi memahami pelaksanaan metodologi selenggaraan di kapal turut dilaksanakan. Maklumat tambahan berkaitan SSK ini boleh dilayari di pautan berikut:

https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=3964468033611175&id=355294844528530

Tujuan utama latihan ini adalah sebagai persiapan awal dalam aspek *Human Capital* memandangkan pihak TLDM dalam tempoh terdekat merancang MENGGEMBALIKAN SEMULA keupayaan tempur asal beberapa kapal agar memiliki *Command and Control System*, atau sekurang-kurangnya *Fire Control System* (FCS). Diyakini, warga *Navy People* turut bangga dengan inisiatif ini memandangkan kapal dijangka akan mempunyai “taring”.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut
Artikel : Laksda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : KD SULTAN IDRIS I

MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN TABUNG KSSKA TLDM PWTL KUCHING



Penyampaian Sumbangan Oleh Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching

KUCHING, 23 Apr – Majlis penyampaian Bantuan Persekolahan Tabung KSSKA TLDM Pegawai Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching telah berlangsung di ruang legar Pejabat PWTL Kuching dengan jayanya. Majlis telah disempurnakan oleh Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM selaku Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching.

Anggota yang telah menerima sumbangan tersebut adalah LK I PAP Abg Mohd Nazjib Bin Salihin. Untuk makluman, anggota kini sedang menjalani kursus Kerahan Tenaga Sepenuh Masa di KD Pelandok. Isteri anggota iaitu Famila binti Zulkifli telah hadir sebagai wakil anggota tersebut untuk menerima sumbangan.

Majlis ini berlangsung sederhana dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah digariskan oleh Pihak Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak. Adalah diharap sumbangan ini dapat membantu meringankan beban anggota serta keluarga dalam menghadapi cabaran kehidupan yang mendatang.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LK I TLS Muhamad Nurzharif bin Mat Saad

Foto : LK TNL Henry Sawan Anak Galong

PWTL KUCHING AGIH BUBUR LAMBUK SEMPENA SAMBUTAN HARI TLDM KE-87



Pengagihan Bubur Lambuk

KUCHING, 26 Apr – Bersempena bulan Ramadan 1442H yang penuh dengan keberkatan ini, warga *Navy People* Kuching meneruskan tradisi secara bergotong-royong memasak serta mengagihkan bubur lambuk untuk berbuka puasa serta moreh kepada qariah dua buah masjid berbeza iaitu Masjid Darul Hana Kuching serta Masjid Kampung Gersik. Turut serta dalam program ini warga PWTL Kuching, PSTL Kuching serta Lt Mohd Ismail bin Yakub TLDM selaku Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching.

Program tahunan Ihya' Ramadan ini juga adalah inisiatif unit bersempena sambutan Hari TLDM yang ke-87 pada tahun ini dan lebih istimewa ia berlangsung dalam bulan Ramadan. Secara tidak langsung dapat memupuk semangat Ihya' Ramadan yang membawa maksud memeriahkan atau menghidupkan bulan Ramadan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah demi mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT. Sesungguhnya memberi makan orang yang berbuka besar ganjarannya seperti hadith Rasulullah SAW.

Selain itu, program ini secara tidak langsung dapat mempromosikan TLDM di mata penduduk sekitar Bandaraya Kuching. Talian sillaturahim dan semangat ukhwh dapat disemai melalui program ibadah seperti ini seterusnya membangkitkan semangat ingin tahu tentang kerjaya dan kehidupan dalam TLDM khasnya.

Selamat menyambut Hari TLDM yang ke-87. TLDM SIAGA, KEDAULATAN TERPELIHARA.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LK I TLS Muhamad Nurzharif bin Mat Saad

Foto : LK TNL Henry Sawan Anak Galong

PERBARISAN ULANG TAHUN TLDM KE-87 PERINGKAT MARKAS TENTERA LAUT



KUALA LUMPUR, 27 Apr - Perbarisan Ulang Tahun TLDM ke-87 peringkat Markas Tentera Laut telah dilaksanakan dengan jayanya di KD SRI GOMBAK. Upacara disempurnakan Pengarah Kanan Perancangan dan Pembangunan, Laksma Fadhil bin Abdul Rahman.

Perbarisan melibatkan 142 orang warga TLDM yang terdiri daripada 6 pegawai dan 136 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Komander Khairul Nizam bin Abdul Khalek TLDM serta dibantu oleh Pegawai Waran I TLR Nor Shahrizan bin Mansor selaku Pegawai Waran perbarisan. Perbarisan berkonsep statik ini menekankan aspek keselamatan dan Tatacara Operasi Standard dalam memastikan setiap warga yang terlibat terhindar dari ancaman virus Covid-19.

Kesemua warga TLDM yang terlibat dalam perbarisan ini adalah daripada pelbagai bahagian dan unit di sekitar Lembah Klang. Perbarisan kali ini turut dijayakan oleh pancaragam 96 Rejimen Semboyan Diraja. Foto kenangan yang dirakam dengan formasi menjadi kemuncak acara buat semua yang terlibat dalam perbarisan.

Artikel / Foto : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

KEEP FLYING HIGH WITH FLYING COLOURS CAWANGAN UDARA TLDM



LUMUT, 28 Apr – Warga *Navy People* dan rakyat Malaysia amat berbangga dengan pencapaian cemerlang 32 tahun Cawangan Udara TLDM sejak penubuhannya pada tahun 1988, iaitu TIADA KEMALANGAN atau *ZERO ACCIDENT*. Justeru, TLDM setakat ini adalah satu-satunya Agensi Kerajaan yang memiliki pesawat udara, termasuk firma swasta di Malaysia yang berjaya mengekalkan rekod ini (*zero accident*) sejak penubuhan. Kecemerlangan ini melibatkan pengoperasian 4 jenis pesawat, iaitu Wasp HAS MK1, AS 355 Squirrel, Super Lynx Mk 100 dan AS 555 SN Fennec dengan jumlah *accumulated flying hours* menghampiri 50,000 jam, suatu jumlah yang tinggi.

Selain itu di peringkat antarabangsa, TLDM turut menerima pengiktirafan daripada pengeluar pesawat (OEM) bagi pencapaian 10,000 jam penerbangan selamat pesawat Super Lynx Mk 100 dan 20,000 jam penerbangan selamat pesawat AS 555 SN Fennec. Maklumat adalah seperti di pautan berikut:

1. <https://www.navalnews.com/event-news/lima-2019/2019/03/rmn-fennec-super-lynx-celebrating-15-years-of-operational-service/#:~:text=The%20Fennec%20fleet%20has%20the,flight%20hours%20without%20any%20accident>

2. <https://dfnc.ru/en/vystavky1/the-royal-malaysian-navy-receives-airbus-excellence-in-flight-safety-operations-award/>.

Lebih membanggakan, pencapaian ini boleh dianggap setanding dengan rekod QANTAS Airline yang ditubuhkan 100 tahun yang lalu pada tahun 1920, dimana disenarai sebagai *zero accident, world's safest airline 2021* untuk 3 tahun berturut-turut.

Berdasarkan pencapaian *with flying colours* ini, TLDM amat menghargai jasa dan khidmat cemerlang warga Cawangan Udara TLDM, khususnya tulang belakang yang melibatkan *ground crew*. Sehubungan itu sebagai tanda penghargaan, Panglima Tentera Laut hari ini telah menyempurnakan pemakaian Lencana Kepakaran Kejuruteraan Udara TLDM kepada Pegawai Jurutera Udara dan Juruteknik Pesawat yang layak sempena sambutan hari TLDM ke-87.

Seramai 6 penerima Lencana Kepakaran Kejuruteraan Udara melibatkan Pegawai Jurutera Udara dan Juruteknik Pesawat yang diketuai oleh Kepten Ir. Hj Ahmad Fahmi bin Jahaya TLDM, selaku *Senior Air Engineer* (SAE) TLDM telah dianugerahkan lencana (*insignia*). Selebihnya, pemakaian lencana bagi 11 orang PJU dan 132 orang JP telah disempurnakan oleh Panglima Udara TLDM. Maklumat tambahan berkaitan Kepten Ir. Hj Ahmad Fahmi bin Jahaya TLDM adalah seperti di pautan berikut: <https://www.facebook.com/355294844528530/posts/3582282045163111/>

Kecemerlangan Cawangan Udara TLDM ini wajar dijadikan pembakar semangat serta motivasi kepada warga *Navy People* yang lain bagi kegemilangan TLDM. Justeru, sekali lagi sekalung tahniah kepada Cawangan Udara TLDM dan teruskan kecemerlangan.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PR Markas Pemerintahan Armada Barat dan Markas Pangkalan Lumut

TLDM ADALAH PERINTIS MENGHASILKAN TEKNISYEN “KOMPETEN” DALAM TEMPOH 5 TAHUN



LUMUT, 28 Apr – TLDM adalah PERINTIS atau PELOPOR kepada skim pengambilan anggota di Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dimana anggota, iaitu teknisyen yang dilatih khas sehingga “kompeten” dinaikkan pangkat ke Bintara Muda (Sarjan) dalam tempoh 5 tahun sahaja. Skim tersebut dikenali sebagai Skim Perantis Kimpu di awal tahun 1980 dan selepas itu dijenama semula (*rebranding*) dan dinamakan Perantis. Maklumat tambahan adalah seperti di pautan berikut: <https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3466466350078015>

Bagi kesinambungan Skim tersebut dan memastikan hasil program memberi ROI yang terbaik, hari ini seramai 105 anggota Perajurit Muda dari Pengambilan 221 yang telah terpilih untuk Skim Perantis Diploma Tugas Khusus (DTK) bertuah dapat bertemu dan mengadakan sesi dialog berkonsepkan *Admiral on Deck* bersama Ketua Jurutera TLDM (*RMN Chief Engineer*).

Admiral on Deck ini adalah bertujuan untuk menyampaikan mesej berbentuk *strategic guidance* dan amanat Pengurusan Tertinggi Kejuruteraan dan juga TLDM agar dapat ditanam dalam diri setiap anggota sehingga ke akar umbi. Ini bertujuan memastikan aset TLDM kelak, khususnya Armada diselenggara dengan baik bagi mencapai tahap pengoperasian yang tinggi. Ini penting kerana sumber manusia adalah salah satu aset TLDM yang penting - “*Man and Machine*” bak kata pepatah adalah seperti aur dengan tebing.

Sepanjang sesi *Admiral on Deck*, Ketua Jurutera TLDM telah mengenal pasti beberapa Perantis yang berpotensi untuk dijadikan Pegawai Kejuruteraan TLDM, dimana mereka telah mempunyai kelayakan dan semua SYARAT yang ditetapkan

oleh perkhidmatan. Justeru, tindakan merealisasikan matlamat/hasrat ini sedang dirangka sewajarnya. Selain itu, ruang dan peluang seluasnya sedang digubal melalui beberapa inisiatif berbentuk program khas untuk anggota *Navy People* yang lain, tidak semestinya Perantis agar mereka terus maju di dalam perkhidmatan demi kebaikan TLDM.

Warga *Navy People* wajar berbangga dengan inisiatif serta peluang yang diberikan oleh TLDM agar dapat menyumbang perkhidmatan yang terbaik setiap masa. Sedia Berkorban.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PR KD PELANDOK

KETUA JURUTERA TLDM DIANUGERAH PUJIAN PANGLIMA TENTERA LAUT



Kebanggaan. Ketua Jurutera TLDM pertama menerima anugerah Pujian Panglima Tentera Laut

LUMUT, 27 Apr - Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung melakar sejarah sebagai Ketua Jurutera TLDM (*RMN Chief Engineer*) pertama menerima anugerah Pujian Panglima Tentera Laut (Pujian PTL), sejak ia diperkenalkan pada tahun 2007. Upacara penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut semasa Istiadat Perbarisan dan Sambutan Hari TLDM Ke-87 hari ini.

Pengiktirafan TLDM kepada Laksda Datuk Adli Chung ini adalah bertepatan dengan sumbangan besar berimpak tinggi Laksamana yang berjaya meningkatkan secara signifikan tahap kesiagaan operasi Armada TLDM menerusi beberapa inisiatif baharu. Selain itu telah menaikkan imej TLDM di dalam beberapa misi khas, serta menghasilkan inovasi “luar jangka” dimana telah menyumbang penjimatan dana kerajaan berjumlah RM45 juta dalam tempoh 13 tahun. Sebahagian inisiatif serta inovasi cetusan Laksamana kini juga sedang diteliti oleh pihak kerajaan untuk dipanjangkan ke agensi yang bersesuaian, disamping turut ditinjau potensinya oleh beberapa firma swasta.

Seperkara lagi yang tidak diketahui ramai ialah sumbangan secara berterusan Laksamana sejak berkhidmat yang belum pernah diperkata atau diuarkan. Maklumat ringkas adalah seperti *snapshot* kepada *Curriculum Vitae* (CV) ringkas Laksamana di Artikel ini.

Penganugerahan Pujian PTL terhadap pencapaian berimpak tinggi Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Adli Chung ini amat membanggakan TLDM, dimana ianya wajar

dijadikan motivasi serta inspirasi kepada warga generasi baharu *Navy People*. Laksana benih yang baik, jika dibuang ke laut menjadi pulau, ditebar ke langit menjadi bintang dan dicampak ke hutan menjadi gunung.

Sumber : Markas Tentera Laut, Sekretariat

Artikel : Kepten Ts. Mohd Faesac bin Talla TLDM

Foto : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung

LAWATAN PANGLIMA ARMADA BARAT KE FOB KUKUP



Panglima Armada Barat bersama Warga FOB Kukup

LUMUT, 6 Mei – Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd Ajis, Panglima Armada Barat telah mengadakan lawatan rasmi ke *Forward Operating Base* (FOB) yang ditubuhkan di unit operasi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi memperkukuhkan kawalan sempadan perairan negara di Semenanjung Malaysia daripada kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke perairan negara serta mengekang penularan wabak COVID-19. Objektif utama penubuhan FOB adalah menyediakan unit bantuan logistik kepada semua aset Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berada di kawasan operasi serta pengoperasian bot pemintas yang digunakan sepanjang OP BENTENG LAUT.

Pada ketika ini, terdapat beberapa operasi maritim yang dilaksanakan oleh TLDM di bawah seliaan *National Task Force* (NTF) yang ditadbir oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Namun demikian, hasil kajian yang dilaksanakan oleh NTF telah mengenalpasti beberapa laluan *hotspot* kemasukan PATI yang berpotensi untuk dibolosi. Ini berdasarkan *loophole* dan jarak terdekat perairan sempadan daratan Malaysia. Oleh demikian, wujudnya FOB dengan tiga komponen utama iaitu penempatan seorang Pegawai Komander, Tim Bantuan AST dan LST serta Krew Bot Pemintas di setiap enam lokasi FOB seperti Kuala Linggi di Melaka, Batu Pahat, Kukup dan Teluk Ramunia di Johor, Stesen JARAK TLDM di Perak dan akhir sekali Batu Uban, di Pulau Pinang.

Lawatan Panglima Armada Barat ke FOB Kukup telah disambut oleh FOB Komander Lt Kdr Muhammad Hisham bin Abd Halim TLDM dengan mengadakan taklimat operasi, lawatan ke sekitar jeti, jamuan moreh serta beramah mesra serta sesi bergambar bersama anggota TLDM yang bertugas. Lawatan ini bertujuan untuk memastikan kelengkapan fasiliti serta kebajikan anggota yang berada di FOB pada tahap yang optimum dalam melaksanakan operasi terutama menjelang 1 Syawal.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

**PEGAWAI WARAN II TLR MUHAMAD RAZID BIN ROSMAN
DIIKTIRAF SEBAGAI JURUTEKNIK BERTAULIAH PERTAMA BAGI
TEKNISYEN TLDM DALAM BIDANG MARITIME TECHNOLOGY**



Tahniah diucapkan kepada PW II TLR Muhamad Razid bin Rosman yang telah diiktiraf sebagai Juruteknik Bertauliah (Tc.) oleh *Malaysia Board of Technologist* (MBOT) dan melakar sejarah sebagai Teknisyen TLDM pertama dalam bidang *Maritime Technology* (MI) yang memiliki ijazah serta masih dalam perkhidmatan mendapat pengiktirafan ini. Untuk Tc. pertama bagi pegawai TLDM bagi bidang MI ialah Lt Tc. Raffiq Syazwan bin Dato' Hj Rusli TLDM (Bersara). Lebih membanggakan, atas inisiatif bersungguh-sungguh dalam meningkatkan nilai modal insan, PW II TLR Muhamad telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda (*Bachelor Degree*) dengan Kepujian Kelas Kedua Tinggi dari Universiti Tun Abdul Razak pada tahun 2016 dalam bidang Pentadbiran Perniagaan. Selain itu, PW II TLR Muhamad Razid pernah memenangi tempat pertama Pertandingan Mengarang Esei Maritim Markas (Kategori Bintara Muda ke atas) di Markas Pemerintahan Armada Timur pada tahun 2018.

Sepanjang 16 tahun perkhidmatan, PW II TLR Muhamad Razid telah berkhidmat dengan cemerlang di KD PERAK dan KD SRI INDERA SAKTI. Selain tugas teras, beliau turut aktif dalam pertubuhan Kelab Bintara Markas Tentera Laut sebagai Penasihat Kewangan dan AJK Persatuan Golf TLDM.

Warga *Navy People* wajar menjadikan pencapaian PW II TLR Muhamad Razid sebagai motivasi dan inspirasi untuk terus maju dalam karier bagi menjadikan TLDM lebih disegani. Disamping itu bagi mencapai hasrat ini, usaha menjadikan warga *Navy People* yang layak untuk mendapat pengiktirafan sedemikian sedang giat dilaksanakan. Maklumat tambahan adalah seperti di pautan berikut:

1. <https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3548772105180772>
2. <https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3084731844918136>

Sumber : Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PW II TLR Muhamad Razid bin Rosman

SEKALUNG TAHNIAH KAPAL AUKSILIARI BM 5 KAPAL PERTAMA SELESAI RUTIN SLIPPING



Krew KA BM5 dan Tim Projek

PASIR GUDANG, 9 Mei – Tahniah kepada krew KA BUNGA MAS 5 (BM 5) dan Tim Projek *Slipping* di atas kejayaan menyiapkan *slipping* dalam tempoh ditetapkan iaitu lebih kurang sebulan pada hari ini. KA BM 5 adalah kapal besar pertama menjalani *Slipping*, dimana *Slipping* tidak dijadikan sebagai rutin selenggaraan berjadual sejak 25 tahun yang lalu. Selain itu, rutin *Slipping* sebelum ini hanya melibatkan kapal kecil sahaja.

KA BM 5 selesai menjalani rutin *Slipping* berkonsepkan “SMART”, melibatkan kerja-kerja pembaikan *plating* dan *underwater* di Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd, Pasir Gudang, Johor.

Inisiatif dikembalikan rutin *Slipping* merupakan hala tuju terkini yang menggabungkan Inovasi Baharu *Refit (refit rebranding)* dan “SMART” *Refit*. Bagi penambahbaikan berterusan (Kaizen), tempoh *Slipping* kapal akan ditambah baik dalam tempoh terdekat, dimana disingkatkan ke 2 minggu bagi kapal besar, 1 minggu bagi kapal kecil.

Inisiatif ini adalah cetusan idea warga *Navy People* yang telah direalisasikan. Justeru, warga *Navy People* wajar berbangga dengan inisiatif ini dan disaran terus berinovasi untuk meningkatkan keupayaan operasi Armada TLDM, khususnya dalam aspek *Man, Machine and Method (Process)*.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Mk TL

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Mohammad Khairul Akmal bin Ramli TLDM

LATIHAN PERANG PANGKOR SIRI 1-2021**Latihan Perang Pangkor Siri 1/2021**

LUMUT, 10 Mei – Walaupun negara masih berada dalam keadaan aman, TLDM sentiasa mengambil berat dalam kesiapsiagaan bagi mempertahankan kedaulatan perairan negara bagi menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya berlakunya ancaman musuh luar atau dari pihak yang tidak bertanggungjawab.

Latihan Perang Pangkor atau sebelum ini dikenali sebagai eksekutis '*Pangkor War*' sering di adakan untuk menguji tahap pengoperasian kapal, sistem dan persenjataan disamping meningkatkan kemahiran serta kecekapan anggota kapal dari masa ke semasa. Perang Pangkor siri 1/21 pada kali ini telah melibatkan 5 buah kapal iaitu KD LEKIR, KD GAGAH SAMUDERA, KD LAKSAMANA TAN PUSMAH, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dan KD LAKSAMANA HANG NADIM. Seawal jam 6.00 pagi kapal pertama telah memulakan pelayaran setelah mendapat amaran ancaman musuh di pulau berhampiran.

Pelbagai siri latihan telah dilaksanakan sepanjang latihan ini, antaranya adalah latihan Pandu Arah Gelap, Pandu Arah Terang, Melalui Latihan Bebas Periuk Api, *Anti Air Warfare Exercise* dan Manuvera Taktis. Di samping itu, latihan *Special Ship Boarding* turut dilaksanakan di KD LEKIR dengan penglibatan tim menggeledah daripada pihak PASKAL. Dalam masa yang sama, latihan kebakaran dan kebanjiran iaitu MKMA terus diberi perhatian serius bagi menentukan warga kapal sentiasa siap siaga dalam menentukan keselamatan kapal dan warganya semasa pelayaran di laut.

Semangat '*esprit the corps*' yang diterapkan dalam setiap warga kapal turut dapat dilihat dan ianya boleh dibanggakan apabila latihan kali ini telah memperlihatkan penglibatan penuh setiap peringkat tidak kira dari pegawai kanan sehingga ke peringkat bawah bagi mencapai objektif yang digariskan.

Secara keseluruhan, Latihan Perang Pangkor 1/21 ini telah berjaya dilaksanakan dan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, latihan yang berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap kompetensi dan kesiagaan warga Armada Barat pada sebilang masa. Usaha ini tidak akan terhenti disini dan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

KOLABORASI BERSAMA PENGUATKUASA BARISAN HADAPAN TEMPATAN BUKTI TLDM KOMITED DALAM PENUGASAN OP PENAWAR



Anggota TLDM kolaborasi dengan PDRM serta RELA melaksanakan SJR

LUMUT, 24 Mei – Tentera Laut Diraja Malaysia sentiasa komited dalam penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di daerah Manjung, Perak. Kerjasama antara TLDM, agensi penguatkuasa lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PRDM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dalam penugasan sekatan jalan raya (SJR) bagi membantu melandaikan lengkungan jangkitan COVID-19 melalui Operasi PENAWAR.

Markas Pemerintahan Armada Barat menjadi unit yang bertanggungjawab untuk mengatur gerak warga *Navy People* dari Pangkalan TLDM Lumut bagi menjayakan Operasi PENAWAR tersebut di empat buah lokasi SJR yang telah dikenalpasti sebagai kawasan sempadan daerah Manjung.

Empat lokasi SJR adalah di KM 73 Beruas, KM 20 Sitiawan-Ipoh, KM 7 Pantai Remis-Taiping dan KM 23.5 Sitiawan-Kayan bagi memastikan kepatuhan orang awam terhadap pelaksanaan PKP 3.0 dalam usaha kerajaan Malaysia untuk menangani penularan wabak COVID-19 apabila pola keberjangkitan menunjukkan peningkatan yang semakin serius.

Dengan pelaksanaan SJR di kawasan yang strategik ini dapat mengurangkan pergerakan orang awam untuk merentas daerah mahupun merentas negeri bagi memutuskan rangkaian COVID-19 di Malaysia. Oleh yang demikian, kami selaku salah satu organisasi petugas barisan hadapan menyeru agar rakyat Malaysia terus mematuhi arahan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP. Sila amalkan norma hidup baharu dengan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk sama-sama membanteras penularan COVID-19.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

DIARI WIRA TLDM LEFTENAN KOMANDER MOHAMAD NIZAM BIN WAN CHIK TLDM (BERSARA)

KUALA LUMPUR, 29 Mei - Lt Kdr Mohamad Nizam bin Wan Chik TLDM (Bersara), seorang Penyelam Ranjau (*Clearance Diver*) ketika berkhidmat dalam TLDM, pernah menyelamatkan nyawa seorang kenamaan negara daripada lemas. Kejadian berlaku pada tahun 2009 di sebuah pulau peranginan terkenal di Malaysia.

Semasa kejadian, Lt Kdr Mohamad Nizam sedang menyelam di kedalaman lebih kurang 20 meter. Beliau melihat seorang penyelam lain di lokasi yang lebih dalam dan berasa curiga melihat penyelam tersebut.

Tanpa berfikir panjang, beliau telah mengejar penyelam tersebut dan menghampirinya di kedalaman 40 meter yang agak merbahaya kepada penyelam amatir. Lt Kdr Mohamad Nizam berjaya mencegah penyelam tersebut daripada terus jatuh dan secara perlahan-lahan membawa beliau naik ke permukaan mengikut SOP selaman. Risiko *decompression sickness* atau dekompresi adalah tinggi jika seseorang penyelam tidak mengikut tatacara selaman yang betul, walaupun untuk menyelamatkan penyelam lain.

Dalam temubual eksklusif bersama Lt Kdr (B) Mohamad Nizam di pejabat Ketua Jurutera TLDM baru-baru ini, beliau memaklumkan bahawa beliau terpaksa bertindak pantas tanpa berfikir panjang kerana penyelam tersebut berisiko tinggi untuk lemas. Ini kerana beliau dapati ada yang tidak kena semasa aktiviti selam tersebut, iaitu:

1. Penyelam SCUBA tersebut telah berada di kedalaman 20 meter tetapi menggunakan satu balang sahaja (*single tank*).
2. Tiada *dive-buddy* yang menemani beliau.
3. Penyelam tersebut di awal selaman diyakini telah mengalami *negative buoyancy* dan terus “jatuh”, mungkin dalam keadaan panik.
4. Lokasi kedalaman menyelam melebihi 100 meter, di mana jika berada di kedalaman melebihi 50 meter, penyelam boleh hilang orientasi (*disorientation*).

Tindakan serta merta Lt Kdr (B) Mohamad Nizam menyelamatkan nyawa seseorang dan keberanian beliau diiktiraf apabila menerima Pujian Panglima Tentera Laut pada tahun 2013.

Pengajaran (*lesson learnt*) dari insiden ini khususnya kepada penyelam SCUBA amatur ialah kepentingan mengetahui status diri penyelam serta set selaman yang digunakan, samada dalam keadaan neutral, *negative buoyancy* atau *positive buoyancy* sebelum memulakan aktiviti selaman. Tindakan pantas serta keberanian Lt Kdr (B) Mohamad Nizam ini wajar dijadikan motivasi serta inspirasi kepada warga *Navy People*.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Mk Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Bahagian Sumber Manusia, Mk TL

INISIATIF MEWUJUDKAN FORUM TIGA PENJURU MELIBATKAN KETUA JURUTERA TDM, TLDM DAN TUDM



KUALA LUMPUR, 2 Jun - Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung hari ini mengadakan kunjungan hormat ke atas Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose bin Mohd Zain. Ketua Jurutera TDM, Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Ir. Hj Chapiti bin Hj Redzwan turut hadir sesi kunjungan hormat ini.

Sesi ini bertujuan untuk menyampaikan hasrat mewujudkan forum tiga penjurua melibatkan ketiga-tiga Ketua Jurutera perkhidmatan iaitu TDM, TLDM dan TUDM. Jika direalisasikan, inisiatif ini akan melakar sejarah sebagai platform rasmi pertama di Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi berkongsi dan merangka *best engineering practices* untuk diimplementasikan, sekiranya sesuai bagi mana-mana perkhidmatan berkaitan.

Yang Berbahagia PTD amat positif dan secara prinsip tiada halangan terhadap hasrat tersebut termasuk inisiatif yang hendak dilaksanakan. Justeru, kunjungan hormat ini adalah *kick-off* bagi membuka lembaran baharu dalam pengurusan kejuruteraan di ATM agar lebih bersepadu.

Klik pautan dibawah untuk bacaan penuh:

<https://www.facebook.com/505270132843470/posts/4102619426441838/>

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan, Mk TL
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : PR Pejabat Panglima Tentera Darat

TLDM ADAKAN LATIHAN BERSAMA TENTERA LAUT PERANCIS

LUMUT, 3 Jun – KD LEKIR, kapal perang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mengadakan latihan *Passage Exercise (PASSEX)* bersama Tentera Laut Perancis di sekitar utara Selat Melaka.

FS SURCOUF merupakan kapal perang dari negara Perancis dalam program pelayaran "*Mission Jeanne D'Arc 2021*" dari Perancis menuju ke Jepun. FS SURCOUF singgah berlabuh di jeti Awana Porto Malai, Langkawi pada 29 Mei hingga 1 Jun 21 bagi mengisi keperluan logistik sebelum meneruskan pelayaran ke destinasi seterusnya.

PASSEX merupakan salah satu inisiatif pihak TLDM dan Tentera Laut Perancis bagi mengeratkan hubungan diplomatik bagi kedua buah negara serta meningkatkan kebolehpayaan bersama. Latihan ini juga bertujuan untuk menguji dan memastikan kedua-dua kapal mampu berkomunikasi dan bekerjasama dengan baik di laut. Kejayaan latihan tersebut hasil daripada komitmen di antara kedua-dua buah pihak iaitu KD LEKIR dan FS SURCOUF dalam mewujudkan hubungan dua hala yang strategik.

Bagi memenuhi objektif latihan tersebut, beberapa jenis latihan telah dilaksanakan iaitu Penembakan Sasaran Permukaan - *Tactical Firing* dalam Formasi Oscar dengan kedua-dua buah kapal menembak 10 butir peluru pada jarak 4 batu nautika dan sasaran *Killer Tomato* telah musnah dan tenggelam.


Selain itu, latihan RAS Approach merupakan evolusi yang dilaksanakan secara bergilir bagi memberi peluang kepada kedua-buah kapal menghampiri (*approach*) dengan jarak terhampir semasa merapat iaitu dengan jarak 40 meter. Latihan *Boat Operation* turut dilaksanakan di mana Bot Marlin 1 milik KD LEKIR telah diturunkan bagi melaksanakan pertukaran cenderahati. Tidak lengkap sekiranya latihan *OOW Manoeuvre* tidak dilaksanakan dan latihan pada kali ini 7 formasi taktikal telah berjaya dilaksanakan.

Latihan *Sail Pass and Breakaway* di mana FS SURCOUF telah melaksanakan Sail Pass di lambung sebelah kanan KD LEKIR sebelum latihan PASSEX tersebut selesai. Penggambaran dilakukan dari udara melalui pesawat FENNEC milik TLDM.

Secara keseluruhan, semua latihan yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya dan selamat. Latihan pada kali ini telah berjaya mencapai objektifnya serta dapat menguji kemampuan aset TLDM dalam beroperasi bersama aset-aset dari negara lain. Ini membuktikan, bahawa visi TLDM untuk menjadi Tentera Laut bertaraf dunia adalah tidak mustahil untuk dikecapi berdasarkan kemampuan dan kebolehan sedia ada sekarang. Bravo Zulu!

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

SEKALUNG TAHNIAH : LT Ts. CHAN JUN KWAN TLDM



KUALA LUMPUR, 24 Jun - Hari ini melakar sejarah di mana Lt Ts. Chan Jun Kwan TLDM dianugerahkan *Chevening Scholarship* oleh Kerajaan United Kingdom. Basiswa penuh yang amat berprestij ini adalah bagi pengajian tahun 2021/2022. Beliau merupakan pegawai TLDM yang ke-8 berjaya menerima tawaran sedemikian setakat ini. Justeru TLDM masih melakar sejarah buat masa ini sebagai agensi Kerajaan yang mempunyai bilangan kakitangan paling ramai mendapat tajaan biasiswa berprestij luar negara. Maklumat tambahan adalah seperti di pautan berikut:

<https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3555310174526965>

Lt Ts. Chan Jun Kwan TLDM adalah mantan putera Maktab Tentera Diraja (MTD). Selesai pengajian di MTD, beliau telah terpilih menjalani latihan kadet di *United States Naval Academy* (USNA), Annapolis pada tahun 2012. Beliau telah menamatkan pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa dengan kepujian. Seterusnya pada tahun 2016, beliau memasuki perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Kecemerlangan Lt Ts. Chan Jun Kwan TLDM bukan setakat bidang akademik. Dalam aspek sukan, beliau bergiat aktif dalam Bola Tampar, Marathon dan Triathlon. Semasa pengajian di Annapolis, beliau mewakili USNA dalam sukan Bola Tampar di mana diberi mandat sebagai *Team Captain*. Sepanjang perkhidmatan, beliau mewakili TLDM dan ATM dalam pertandingan bola tampar terbuka di pelbagai

peringkat, di mana pada tahun 2017 dianugerahkan *Best Libero* di kejohanan *Inter-Service Games* (ISG).

Selaras dengan inisiatif memperkasa dan menghasilkan modal insan yang terbaik (*crème de la crème*), warga *Navy People* wajar merebut peluang tawaran lebih kurang 30 jenis biasiswa berprestij yang ditawarkan oleh Kerajaan luar negara kepada warga Malaysia. Diharap usaha ini membolehkan TLDM dan warganya terus gemilang, cemerlang dan terbilang.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Bahagian Sumber Manusia, Mk TL

PEGAWAI WARAN TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA TUNJANG KECEMERLANGAN ANGGOTA



Panglima Tentera Laut memakaikan Insignia Pegawai Waran TLDM kepada PW I Mohamad Noorfazli

KUALA LUMPUR, 29 Jun - Hari ini Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mencatat sejarah tersendiri apabila Pegawai Waran (PW) I TLS (AQM) Mohamad Noorfazli bin Ariffin dari Cawangan Udara TLDM dipilih sebagai Pegawai Waran TLDM Ketujuh.

PW I Mohamad Noorfazli mula menyertai TLDM pada 1999 dan telah berkhidmat selama 22 tahun dalam TLDM. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah diperjawatkan di Kapal Diraja (KD) SRI INDERA SAKTI sebelum diserapkan ke KD RAJAWALI sebagai teknisyen udara. Setamat kursus di KD RAJAWALI, beliau diserapkan ke Skuadron 501 yang mengoperasikan pesawat Super Lynx. Seterusnya beliau telah dipilih untuk mengikuti kursus *Air Quartermaster* di PULATIBANG 2, Alor Setar Kedah. Beliau telah menjalani latihan penerbangan di No.3 Skuadron Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menggunakan pesawat NURI selama hampir 2 tahun. Setamat kursus, beliau kembali ke Skuadron 501 sebagai *Air Quartermaster* operasi di skuadron tersebut. Bukan itu sahaja, beliau juga seorang jurulatih *Air Quartermaster* Skuadron 501.

Antara siri latihan dan operasi penting yang beliau sertai sepanjang perkhidmatan termasuk Bersama LIMA, Kerismas, Taming Sari, Carilamat MH 370 dan Operasi Fajar Siri 19. Beliau juga menjadi kru SUPER LYNX yang menyertai pelayaran KD

LEKIU ke Jepun, China dan Korea pada 2019. Pada tahun 2020, PW I Mohamad Noorfazli telah dilantik sebagai Pegawai Waran Markas Udara yang memberi cabaran baharu buat beliau apabila beralih daripada tugas operasi kepada pentadbiran.

Pengalaman sebagai Pegawai Waran Markas Udara semestinya akan digunakan untuk mengorak langkah sebagai Pegawai Waran TLDM yang merupakan jawatan tertinggi disandang seorang anggota lain-lain pangkat (LLP). Pegawai Waran TLDM atau lebih dikenali sebagai *Warrant Officer of the Navy* (WOON) memainkan peranan penting dalam perkhidmatan, iaitu sebagai penghubung di antara kumpulan pegawai dengan anggota LLP TLDM dalam memastikan setiap mesej dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan tertinggi TLDM sampai kepada semua peringkat akar umbi. Beliau dianggap nadi dan contoh terbaik kepada warga LLP dalam memastikan tahap kesiagaan setiap anggota LLP TLDM sentiasa terbaik merangkumi kerjaya, disiplin dan kebajikan. Pegawai Waran TLDM adalah penasihat kepada PTL dalam hal berkaitan LLP dan beliau perlu sentiasa peka dengan situasi yang dihadapi anggota yang terdiri daripada pelbagai kepakaran serta harus fleksibel dalam melaksanakan tanggungjawab beliau mempromosi kebajikan mereka.

Tahap kemahiran insani atau *soft skill* yang diperlukan semestinya tinggi terutama apabila menyampaikan mesej daripada pihak pengurusan mahupun daripada warga. Beliau juga perlu sensitif dengan maklumat yang disampaikan agar jelas dan difahami lantas mencapai objektif yang ditetapkan. Sementara itu, TLDM mengambil kesempatan mengucapkan jutaan penghargaan kepada mantan WOON iaitu PW I TMK Muhamad Eizad bin Ramli di atas sumbangan yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan beliau khususnya ketika menjadi WOON keenam. Jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan beliau sentiasa dikenang.

Serah terima tugas Pegawai Waran TLDM di antara PW I TMK Muhamad Eizad bin Ramli dan PW I TLS (AQM) Mohamad Noorfazli telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany pada hari ini. Panglima Tentera Laut telah memakaikan insignia dan menyerahkan tongkat simbol pemerintahan Pegawai Waran TLDM.

Sumber : Markas Tentera Laut

Artikel : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Foto : LK TNL Mohd Badrul Hisham bin Che Hussin

LK PNK Khairul Najmi bin Ab Jabar

PELAKA KAPAL (SHIP CREST) DIJENAMA SEMULA KE CIRI KLASIK



Ship Crest yang dihasilkan oleh KD PELANDOK

KUALA LUMPUR, 29 Jun - KD PELANDOK, sebuah unit latihan TLDM baru-baru ini telah menghasilkan *Ship Crest* berciri klasik, di mana sebelum ini pernah dihasilkan oleh kapal besar TLDM atau unit yang mempunyai bengkel Srimala. Ciri klasik yang dimaksudkan ialah pembuatan pelaka menggunakan resin atau komposit, diwarnakan sewajarnya mengikut logo sesebuah unit. Produk sedemikian sebelum ini kebiasaannya sinonim dengan *Royal Navy*. Pada masa ini sebahagian besar *Ship Crest* yang digunakan oleh TLDM adalah buatan kilang di mana kepingan logam yang difabrikasi, dilapik dengan kepingan kayu.

Penghasilan *Ship Crest* bercirikan klasik ini telah lama tidak dihasilkan di dalam TLDM. Ini disebabkan kemahiran ini luntur setelah tred Srimala dimansuhkan. Namun, dengan diwujudkan semula tred Srimala secara bersasar, maka kemampuan melaksanakan senggaraan serta pembaikan melibatkan logam, kayu dan sebagainya secara *in-house* atau *Do It Yourself* (D.I.Y) telah ditingkatkan secara berperingkat.

Pembuatan *Ship Crest* jenis ini adalah cetusan idea Ketua Jurutera TLDM, diusahakan oleh jurulatih dan pelatih Srimala di bengkel Srimala, Fakulti Kejuruteraan, KD PELANDOK. *Ship Crest* bercirikan klasik ini akan diperluaskan pengeluarannya oleh Bengkel Srimala bagi kegunaan di upacara rasmi TLDM, agar mengembalikan identiti khas yang unik serta menarik ini. Warga *Navy People* dijangka boleh mendapatkan koleksi *Ship Crest* ini di masa akan datang setelah pengeluarannya ditingkatkan.

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Kdr Ir. Ts. Ng Keng Lip TLDM

PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI PSSTLDM - PSTL KUCHING

KUCHING, 3 Jul – Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Kanan PSSTLDM telah disempurnakan oleh Pegawai Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching, Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM selaku Pegawai Memerintah di ruang legar Pejabat PWTL Kuching. Acara diadakan secara ringkas ini mengikut Prosedur Operasi Standard yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

Seramai 5 orang Pegawai Kadet telah dinaikkan pangkat ke Pegawai kadet Kanan PSSTLDM berkuatkuasa 4 Jun 21.

1. PKK Norulaini Binti Koshiri
2. PKK Shirley Helda anak Chuat
3. PKK Fatin Munirah Binti Ikhwani
4. PKK Nur Atikahmalina Binti Mahtar
5. PKK Patricia Anta anak Eddy

Pada majlis tersebut, Pegawai Memerintah mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada kelima-lima Pegawai PSSTLDM yang telah dinaikkan pangkat. Beliau berharap dengan pemakaian pangkat ini dapat menyuntik semangat untuk terus berusaha serta berupaya menabur bakti kepada perkhidmatan TLDM dan juga PSSTLDM.

Pegawai Memerintah juga berharap agar seluruh warga *Navy People* Kuching sentiasa berusaha dan perlu keluar dari zon selesa sekarang. Setiap peluang kerjaya tidak datang bergolek dan memerlukan usaha.

Sumber : PR PWTL KUCHING
Artikel : Lt M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM
Foto : LK PNK Ajariah binti Umar

TRANSFORMASI CAWANGAN PRASARANA MARKAS TENTERA LAUT



KUALA LUMPUR, 5 Jul - Benih yang baik, dicampak ke laut menjadi pulau, dilontar ke langit menjadi bintang, jatuh ke daratan menjadi pohon berbuah nan rendah, Mutiara kata yang sesuai diungkapkan untuk Kept Ahmad Azrul bin Maridan TLDM Mantan Pengarah Cawangan Prasarana Markas Tentera Laut.

Mulai 5 Julai 2021, Kept Ahmad Azrul bin Maridan TLDM merupakan pegawai terakhir yang bergelar Pengarah di Cawangan Prasarana. Cawangan kini diterajui oleh Kdr Rosli bin Mokri TLDM dan bergelar Ketua Prasarana. Dengan kelayakan akademik Kejuruteraan Awam dan telah berkhidmat selama hampir 21 tahun serta berpengalaman melaksanakan tugas-tugas selenggaraan dan pengawasan projek infrastruktur, pelantikan Kdr Rosli bin Mokri TLDM adalah tepat dan bersesuaian.

Kept Ahmad Azrul bin Maridan TLDM mencatat sejarah sebagai Pegawai dari Cawangan Kejuruteraan yang pertama menjawat jawatan Pengarah Prasarana. Walaupun beliau berkepakaran Kejuruteraan Elektrik dan Senjata, namun hasil usaha gigih dan sikap tidak malu untuk bertanya telah berjaya membantu beliau dalam menerajui cawangan yang berkaitan dengan Kejuruteraan Awam. Sifat dedikasi dalam menjalankan tugas dan tegas dalam membuat keputusan serta berkerjasama dalam satu kumpulan merupakan rahsia kejayaan beliau sepanjang menerajui Cawangan Prasarana.

Menyelusuri arus pembangunan negara ketika ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak terkecuali dalam memodenkan infrastruktur untuk warga Navy People khususnya dan kepentingan kedaulatan amnya. Cawangan Prasarana di bawah

naungan Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan telah berjaya mengawal selia setiap projek-projek pembangunan semasa dan perancangan pembangunan untuk masa hadapan seiring kemajuan pertahanan negara serantau.

Sesungguhnya kepimpinan tertinggi TLDM sentiasa menambah baik modal insannya demi meningkatkan motivasi warganya disamping mengukuhkan keupayaan serta kesiagaan TLDM

Sumber : Cawangan Prasarana Markas Tentera Laut

Artikel : PW I TMS Anuar bin Sahran

Foto : LK II TNL Meor Azraei bin Meor Abbas

COMMON OPERATING PICTURE (COP) – MODUL PENGURUSAN KEWANGAN Mk PL PEMENANG ANUGERAH PROJEK KIK PERINGKAT MPAB 2021



TPA MPAB Menyampaikan hadiah kepada pemenang Projek KIK peringkat MPAB Tahun 2021

LUMUT, 9 Jul - Common Operating Picture (COP) – Modul Pengurusan Kewangan Markas Pangkalan Lumut (Mk PL) telah diisytiharkan sebagai pemenang pertama Projek KIK peringkat MPAB bagi tahun 2021. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Panglima Armada Barat iaitu Laksamana Pertama Ee Yee Tai Peng sejurus selesai Sambutan Hari Inovasi TLDM tahun 2021 yang dilakukan secara sidang video di serambi markas.

Sebanyak 18 penyertaan dari semua unit yang layak telah dipertandingkan dan dibentangkan bermula 21 hingga 22 April 21 bertempat di Auditorium Dato' Abul Ghani KD DUYONG. Kumpulan KIK Mk PL ini diketuai oleh Kept Ts. Dr. Hisyam dan dibantu oleh 11 ahli yang telah membuktikan kemampuan COP sebagai medium dalam mentadbir urus kewangan markas dengan lebih efisien dan sistematik. COP ini yang menggunakan platform Geographic Information System (GIS) dapat memberi maklumat terkini kepada semua lapisan pengurusan Mk PL melalui paparan Dashboard merupakan gaps utama yang dikenal pasti dapat membantu pihak pengurusan dalam membuat keputusan. Pembangunan COP ini terdiri daripada 3 layer yang dapat dikongsikan oleh semua pengguna iaitu; Common Geospatial

Picture, Shared Situational Awareness dan Decision Support to Commanders. Modul Pengurusan Kewangan ini juga turut mempunyai fungsi yang dapat memaparkan laporan secara dashboard merangkumi maklumat - maklumat kewangan yang berkaitan dengan jumlah peruntukan dan perbelanjaan harian, mingguan, bulanan dan tahunan mengikut Objek Sebagai (OS).

Dengan pembangunan COP- Modul Pengurusan Kewangan telah memberikan impak yang amat positif kepada pentadbir kewangan khususnya Bahagian Logistik Markas sehingga diangkat untuk dipertandingkan sebagai satu projek KIK dan pastinya akan dipertandingkan di peringkat seterusnya.

Sumber : Pejabat IT Mk PL

HARI INOVASI TLDM TAHUN 2021

KUALA LUMPUR, 9 Jul - Sambutan Hari Inovasi Tentera Laut Diraja Malaysia Tahun 2021 telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut pada 9 Julai 2021 secara maya. Manakala, penyampaian hadiah Anugerah Inovasi Tentera Laut (AITL) Tahun 2020 telah diwakilkan kepada Panglima Markas Pemerintahan dan Markas Formasi.

Penganjuran Hari Inovasi terus menjadi antara agenda penting TLDM untuk mengiktiraf usaha warga Navy People dalam menambah baik keberkesanan penyampaian perkhidmatan TLDM melalui penghasilan projek-projek inovasi yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Justeru, sambutan Hari Inovasi TLDM diteruskan dengan mematuhi sepenuhnya SOP pandemik COVID-19 agar dapat memberi dorongan kepada warga Navy People untuk terus membudayakan kreativiti dan inovasi.

“If you want something new, you have to stop doing something old”. - Peter F. Drucker

Sumber : Markas Tentera Laut - Bahagian Inspektorat Jeneral (Cawangan Pengurusan Inovasi)

Artikel : Lt Dya Nurnatasha Adrina binti Abdul Malek PSSTLDM

Foto : LK TNL Mohd Badrul Hisham bin Che Hussin

PENUTUP AUDIT DALAMAN BAHAGIAN OPERASI DAN STRATEGI

KUALA LUMPUR, 16 Jul - *"You Get What You Inspect Not What You Expect"*. Audit Dalaman (AD) Bahagian Operasi dan Strategi (BOS) yang telah dilaksanakan mulai 12 hingga 16 Jul 21 telah melabuhkan tirainya. AD ini melibatkan seramai 19 orang juruaudit dari Bahagian IJ, RISLA dan KPSI. Sepanjang pelaksanaannya, pematuhan SOP yang ketat telah dipraktikkan berpandukan pengarah semasa Majlis Keselamatan Negara.

AD ini diakhiri dengan Taklimat Penutup yang dipengerusikan oleh Inspektor Jeneral (IJ) MkTL, Laksda Chan Peng Cheong dan delegasi. Manakala BOS diwakili oleh Pengarah Kanan, Kept Muhamad Shakir bin Salleh TLDM dan beberapa orang pegawai telah mengambil maklum akan kesemua penemuan dan teguran daripada Tim Audit.

AD kali ini melibatkan Pemeriksaan dokumentasi dan bahan bukti bagi kesemua komponen *N-Series* selain turut melaksanakan Kajian Kepuasan Warga melalui Aplikasi *Google Form*. Secara keseluruhannya, tadbir urus BOS dari segi *People, Process & Platform* dinilai baik selaras dengan hala tuju semasa TLDM.

Di akhir taklimat, Inspektor Jeneral turut mengambil kesempatan menerangkan *Audit Conceptual Framework* yang telah digunakan sepanjang AD berlangsung kepada semua hadirin.

Sumber : Bahagian Operasi dan Strategi, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Kdr Norzaity binti Mohd Salli TLDM

Foto : LK II PNK Muhamad Hafizulhakim bin Zamri

PUSTAKMAR KONGSI REZEKI



Laksamana Pertama Farizal Myeor bersama wakil penduduk

LUMUT, 19 Jul – Satu Program Khidmat Masyarakat menerusi Program Jiwa Murni anjuran PUSTAKMAR telah dilaksanakan pada 19 Julai 2021 bersamaan 9 Zulhijjah 1442H. Penyerahan sumbangan berupa keperluan asas telah disempurnakan oleh Laksamana Pertama Farizal Myeor, Pegawai Memerintah PUSTAKMAR kepada wakil penduduk 3 buah kampung iaitu Kampung Serdang, Kampung Teluk Batik dan Kampung Permatang.

Program ini dipilih sebagai Program Jiwa Murni PUSTAKMAR bagi tahun 2021 sejajar dengan isu Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dan menjejaskan pendapatan seluruh rakyat Malaysia. Justeru, sumbangan ini bertujuan untuk meringankan beban dan membantu persiapan penerima sumbangan untuk menyambut Hari Raya Aidiladha.

Hebahan telah dibuat mulai 13 Julai 2021 mengenai pengumpulan barang sumbangan melalui kawat dan media sosial. Sehubungan dengan itu, PUSTAKMAR telah berjaya mengumpul sebanyak 90 bungkusan berisi barang keperluan harian hasil sumbangan dari Markas-markas, Kapal-kapal TLDM dan Unit-unit yang berada di Pangkalan TLDM Lumut, Perak. Terdapat juga sumbangan oleh *Non-Government Organisation* (NGO) setempat.

Di sebalik tugas hakiki menjaga kedaulatan dan kestabilan negara, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak melupakan tanggungjawab untuk menabur bakti kepada komuniti setempat. Semoga usaha yang dilaksanakan ini dapat mengeratkan lagi hubungan warga *Navy People* dengan masyarakat.

Sumber : PUSTAKMAR, Pangkalan Lumut TLDM

PENUGASAN OP PENAWAR PTKK***Anggota TLDM membantu PDRM di Sekatan Jalan Raya***

KOTA KINABALU, 22 Jul – Penugasan Op PENAWAR yang melibatkan 60 anggota Pangkalan TLDM Kota Kinabalu telah dilaksanakan bermula 2 Jun 21 yang lalu. Anggota TLDM telah ditugaskan bersama Pasukan RELA bagi membantu PDRM melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) di 4 lokasi sekitar daerah Kota Kinabalu. Tindakan ini adalah bagi mengawal penularan COVID-19 yang kini melanda seluruh negara.

Anggota yang terlibat akan membantu dalam pemeriksaan SJR bagi memastikan rakyat mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah digariskan oleh Kerajaan Malaysia. Sepanjang tempoh penugasan, anggota dilarang sama sekali menggunakan kekerasan. Tindakan yang diambil hendaklah berpandukan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada.


Anggota diberikan taklimat berkaitan keselamatan sebelum memulakan penugasan. Selesai penugasan anggota akan menjalani proses disinfeksi bagi memastikan keselamatan dan kesihatan anggota sebelum pulang ke kediaman masing-masing.

Sumber : Pasukan Pertahanan Udara TLDM

Artikel : Lt Suhana binti Mohd Tahir TLDM

Foto : Pasukan Pertahanan Udara TLDM

SESI PERKONGSIAN ILMU KETUA JURUTERA TLDM



Sesi perkongsian ilmu bersama Ketua Jurutera TLDM diadakan secara maya

KUALA LUMPUR, 29 Jul - Ketua Jurutera TLDM, Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung hari ini berkongsi ilmu dengan Tim Rangka Tindak Kapasiti Pertahanan (RTKP), Kementerian Pertahanan (MINDEF). Perkongsian ilmu adalah berkaitan Modal Insan Pegawai dan Anggota Kejuruteraan di dalam TLDM.

Ketua Jurutera TLDM telah membentangkan status, pembangunan, cabaran dan hala tuju, selain inisiatif serta *Grand Strategy* terkini bagi memastikan kemajuan warga kejuruteraan agar progresif, dinamik, profesional serta menghasilkan *success story*.

Sesi perkongsian ilmu ini turut disertai hampir 200 warga kejuruteraan secara atas talian, di mana buat pertama kalinya dijelaskan secara bersasar mekanisme pengurusan modal insan cawangan kejuruteraan TLDM. Tim RTKP, MINDEF amat teruja dengan ilmu yang dikongsi, termasuk model yang dilaksanakan, di mana mereka amat berminat untuk menerokai dengan lebih mendalam.

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan, Mk TL
 Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung
 Foto : PR Tentera Darat

‘PANTAI KITA CERMINAN WAJAH KITA’

PORT DICKSON, 30 Jul – Di samping melaksanakan penugasan pengukuran hidrografi di Perairan Tanjung Tuan, Port Dickson, KD PERANTAU telah mengambil peluang dan ruang untuk melunaskan tanggungjawab kepada masyarakat dan alam sekitar dengan menganjurkan gotong royong pembersihan pesisir pantai sebagai salah satu aktiviti Program Jiwa Murni. Pelaksanaan program ini tertumpu kepada pembersihan kawasan pantai yang dipenuhi dengan sampah hanyut (*marine debris*) yang di bawa oleh arus pasang surut laut.

Sejak Pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara mulai awal tahun 2020 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini mengakibatkan sektor pelancongan negara terjejas dan tidak dibenarkan beroperasi telah memberi kesan kepada pengurusan pusat peranginan sekitar untuk mengekalkan kebersihan pantai kerana kekangan pekerja. Justeru, seramai 17 warga kapal telah berganding bahu membanting tulang mengutip sisa seperti botol minuman, pakaian, pinggan plastik dan bahan-bahan bukan organik di pesisir pantai sepanjang 650 meter bermula dari jam 9 pagi sehingga jam 11 pagi. Program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar kerana ketiadaan orang awam akibat PKP memberi ruang kepada warga kapal melaksanakan aktiviti tersebut dengan mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) norma baharu.

Penganjuran aktiviti seperti ini penting bagi memupuk kesedaran dalam kepentingan penjagaan alam sekitar dan kesan pembuangan sampah di pantai terhadap habitat akuatik di samping mewujudkan persekitaran pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi.

Sumber : KD PERANTAU

Artikel : Lt Kdr Wan Shahrul Ai'man bin Wan Mohd Hussin TLDM

Foto : LK PNK Mohamad Syukri bin Azazan

PROGRAM UNIK SENGGARAAN BERJADUAL KAPAL OBSOLESCENCE PROGRAMME (OP) KD PERKASA



KEMAMAN, 11 Ogos - Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob bersama Panglima Armada Barat Laksamana Madya Datuk Abu Bakar bin Mohd Ajis dan delegasi TLDM telah melaksanakan lawatan kerja ke projek *Obsolescence Programme* (OP) di limbungan Geliga Shipyards Sdn Bhd. Projek yang unik ini melibatkan KD PERKASA yang sepatutnya siap pada penghujung bulan Ogos ini tetapi dijangka akan mengalami kelewatan disebabkan situasi pandemik COVID-19 yang dialami sekarang.

Projek OP KD PERKASA adalah inisiatif terkini hasil cetusan idea warga *Navy People* di mana kapal dilaksanakan *re-hull* yang *in-lieu* kepada *refit*, termasuk penukaran sepenuhnya sistem kuasagerak, kuasa elektrik serta "*hotel services*", selain turut merangkumi sistem bersangkutan.

Sepanjang lawatan kerja, delegasi teruja dengan perkembangan dan hasil terkini projek. Ini disebabkan putik-putik keberhasilan sudah kelihatan dan dalam perancangan untuk diuji dalam masa terdekat. Hasil dari projek yang unik ini, warga *Navy People* disaran agar terus berinovasi serta kreatif menghasilkan penambahbaikan berterusan. Elemen yang ditekankan untuk penambahbaikan adalah terhadap elemen 3M (*Man, Machine and Method*) atau 3P (*People, Platform and Process*).

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PR MAWILLA 1

EKSESAIS TAMING SARI BUKTI PROFESIONALISME TLDM

KUANTAN, 12 Ogos - Ekseksais Taming Sari siri 20/21 telah sampai ke kemuncaknya hari ini dengan kejayaan penembakan peluru berpandu EXOCET MM40 dan EXOCET SM39.

Kejayaan penembakan kesemua peluru berpandu ini mengenai sasaran jelas membuktikan sikap profesionalisme, keupayaan dan ketersediaan warga TLDM dalam mengendalikan aset pertahanan negara.

YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan menjadi saksi kepada kejayaan penembakan tersebut bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pertahanan, ATM dan TLDM.

Ekseksais kali ini membabitkan 1,080 warga TLDM, TUDM dan APMM. Ketumbukan EKSESAIS TAMING SARI 20/21 terdiri daripada 9 buah kapal, 5 buah Fast Combat Boat (FCB), sebuah (1) kapal selam, 2 Super Lynx TLDM, 4 pesawat TUDM dan 2 aset APMM.

Timbalan Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Pertahanan turut dimaklumkan bahawa demi memastikan kelancaran dan kawasan operasi sentiasa terjamin, aset-aset yang terlibat bersedia lebih awal dan telah lama berada dilaut.

Beliau turut mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada TLDM dan wira-wira negara di atas segala pengorbanan yang sanggup berjauhan dengan keluarga demi memelihara kedaulatan dan keamanan negara.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

EKSESAIS SEACAT 21 BERJAYA TINGKATKAN INTEROPERABILITY



Seminar 'Maritime Domain Awareness' yang diadakan secara atas talian

LUMUT, 16 Ogos – Eksesais *South East Asia Cooperation and Training* (SEACAT) 21 merupakan eksesais melibatkan pihak Tentera Laut Amerika Syarikat melalui aset kapal USS TULSA (LCS-16) dan Kapal SILVER HANA (Tanker minyak/kimia) bersama pihak *Information Fusion Centre* (IFC), Singapura telah berlangsung mulai 10 hingga 15 Ogos 21 di sekitar Perairan Selat Melaka.

Eksesais pada kali ini telah dilaksanakan secara dua fasa. Pelaksanaan fasa pertama mulai 10 hingga 13 Ogos 21 telah dilaksanakan melalui 'Seminar *Maritime Domain Awareness*'. Seminar ini dilaksanakan secara atas talian di dua lokasi iaitu Auditorium Zain, PUSTAKMAR dan Auditorium Dato' Abdul Ghani, Markas Selam dan Peperangan Periuk Api.

Seminar ini melibatkan penglibatan tiga buah aset TLDM iaitu KD TERENGGANU, KD KASTURI, KD SRI INDERA SAKTI serta tiga unit naungan Markas Pemerintahan Armada Barat iaitu Markas Udara, KD PANGLIMA HITAM (PASKAL) dan KD DUYONG.

Latihan fasa kedua yang merupakan fasa laut telah dimulakan pada 14 hingga 20 Ogos 21 di mana KD LAKSAMANA TAN PUSMAH sebagai wakil TLDM bagi siri pelaksanaan latihan menggeledah.

Beberapa siri latihan lain juga telah dilaksanakan oleh KD LAKSAMANA TAN PUSMAH bersama Tentera Laut Amerika Syarikat meliputi operasi membanteras lanun, penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Senario latihan tersebut telah

disimulasikan melalui penyaluran maklumat oleh IFC Singapura kepada KD LAKSAMANA TAN PUSMAH yang berada dilapangan dengan memaklumkan bahawa kapal SILVER HANA telah terputus hubungan komunikasi dan dipercayai telah ditawan oleh anasir lanun. Bertindak atas penerimaan maklumat, KD LAKSAMANA TAN PUSMAH telah berjaya mengesan kedudukan kapal tersebut berpandukan *Automatic Identification System (AIS)*.

Hasil pemerhatian mendapati kapal dinyatakan berada di sekitar Perairan Selat Melaka dan sedang menuju ke Laut China Selatan. Lantas KD LAKSAMANA TAN PUSMAH melaksanakan latihan *Querry and Challenge* dan seterusnya melancarkan bot bersama tim mengeledah serta seterusnya merapat ke kapal SILVER HANA untuk melaksanakan operasi menyelamatkan krew. Hasil siasatan dan penggeledahan telah berjaya membawa kepada penahanan 8 orang lanun beserta empat laras senjata api jenis raifal AK 47, dua pucuk pistol dan senjata tajam jenis parang berjumlah dua bilah.

Eksesais pada kali ini telah mensasarkan fokus terhadap aspek perkongsian maklumat antara Pusat Operasi (PUSOP) dengan menggunakan medium IFC Portal yang mana Pihak IFC di Singapura bertindak sebagai pengantara utama. Secara tidak langsung, ekksesais ini telah berjaya mencapai objektif utama yang digariskan iaitu bagi memperkasakan kelancaran proses perkongsian maklumat dalam konteks keselamatan maritim di rantau ini khasnya.

Eksesais seperti ini diperamati telah secara langsung meningkatkan tahap *interoperability* antara negara dan agensi yang terlibat disamping mengukuhkan jalinan hubungan diplomatik bersama negara-negara sahabat. Kesiagaan aset pertahanan negara juga dapat diuji dan dalam masa yang sama tahap kemampuan aset pertahanan negara dalam ketersediaan mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta telah dibuktikan.

Eksesais sebegini ternyata mampu mempromosikan keselamatan maritim serantau serta dapat dijadikan medium untuk mempersiapkan wira-wira negara dalam mempertahankan perairan negara pada sebilang masa.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

WEBINAR PERKONGSIAN ILMU S.M.A.R.T REFIT

5 RUMUSAN + Q&A

- 1. Schedule Maintenance And Repair in Time
- 2. Seagoing for Mission And Routine maintenance in the Timeframe
- 3. Shipyard & MArine Industry Ready to Transform
- 4. Sound Methodology Advocate high Readiness Target
- 5. Structured Methodology And Rigorous Time-trial
- 6. Structured, Mesmerised, Articulated, Result Oriented, Time-bound
- 7. Strategic moves to Meet high AO and Readiness Target

PERKONGSIAN ILMU:

"SMART" REFIT

Nota: S - Specific M - Measurable A - Achievable R - Realistic T - Time Bound

KUALA LUMPUR, 17 Ogos - Sesi perkongsian ilmu oleh Ketua Jurutera TLDM dengan warga *Navy People* yang masih berkhidmat telah dilaksanakan hari ini secara atas talian (webinar). Sesi ini telah mendedahkan warga TLDM terhadap metodologi serta pendekatan terkini rutin selenggaraan berjadual kapal di limbungan, yakni dikenali sebagai *refit*.

Aktiviti perkongsian ilmu ini penting dan akan diteruskan kerana didapati hanya sebahagian kecil warga TLDM yang mengetahui sepenuhnya S.M.A.R.T *Refit*. Ini disebabkan metodologi serta pendekatan S.M.A.R.T *Refit* adalah hampir 180 darjah berbeza dengan *conventional refit* yang telah diamalkan oleh TLDM sejak lebih 30 tahun.

Webinar perkongsian ilmu ini adalah secara tertutup, hanya dibuka untuk warga TLDM sahaja di mana lebih 300 warga TLDM telah menyertai sesi ini.

S.M.A.R.T *Refit* adalah inisiatif terkini TLDM dalam usaha memendekkan lagi tempoh refit kapal TLDM di limbungan tempatan. Sungguh pun inisiatif Inovasi *Refit* Baharu yang dilaksanakan sejak tahun 2017 telah membuahkan hasil atau *success story*, namun usaha penambahbaikan berterusan (KAIZEN) telah membolehkan S.M.A.R.T *Refit* direalisasikan mulai pertengahan tahun 2021. Dalam tempoh terdekat, S.M.A.R.T *Refit* Plus pula akan dilaksana bagi memastikan program ini lebih dinamik, berdaya saing dan lebih singkat pada kos yang kompetitif, dimana tidak menggunakan lagi sepenuhnya pendekatan konvensional yang telah jumud (*outdated, tedious with red-tapes, not able to mitigate current scenario and challenges*).

Selain pendedahan terhadap S.M.A.R.T *Refit*, sesi perkongsian ilmu juga memberi peluang kepada warga TLDM mendapatkan perkembangan terkini dasar serta inisiatif hasil berfikir di luar kotak yang sedang dilaksanakan di dalam TLDM, selain cabaran serta langkah berbentuk *gigantic-steps* termasuk *timeline* yang sedang dirangka.

Bagi memastikan S.M.A.R.T *Refit* ini turut difahami oleh stakeholder terlibat dan diselaras dengan limbungan berkaitan secara holistik dan berkesan, sesi “*townhall*” akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. “*Townhall*” bertujuan memperincikan metodologi ini dengan lebih jelas dalam perspektif *Project Management Body of Knowledge* (PMBOK) serta aspek komersial.

Hasil webinar ini diharap memberi inspirasi serta motivasi kepada warga *Navy People* agar terus menghasilkan inisiatif lain yang lebih berimpak tinggi demi kepentingan TLDM.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Oleh : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Hj Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Kdr Jeffery Daneil Ng TLDM

JENIS TULISAN RASMI PERSURATAN DI DALAM TLDM

TAHUKAH ANDA?

Ramai warga *Navy People* mengetahui bahawa tulisan rasmi persuratan di dalam TLDM adalah menggunakan huruf Arial, berbeza sedikit dengan perkhidmatan lain serta sebahagian besar Agensi kerajaan. Namun dipercayai sebahagian besar pembaca tidak mengetahui rasional huruf Arial ini dipilih dan sejak bila digunakan di dalam TLDM.

Huruf Arial mula diperkenalkan di dalam TLDM pada tahun 1998 dimana dicetuskan oleh Laksamana Tan Sri Ramli Abu Bakar sewaktu beliau adalah Panglima Armada TLDM. Pada tahun 2002, ianya dikuatkuasa dengan dinyatakan di Buku Rujukan Laut (BRL) 70 (Manual Pengurusan Fail dan Persuratan TLDM).

Tulisan Arial dipilih memandangkan ianya lebih mudah dibaca dan jelas, disebabkan pada saiz yang setara dengan huruf lain, huruf Arial adalah agak besar sedikit dan lebih tebal. Setelah digunakan hampir 19 tahun, konsep menggunakan huruf Arial atau seumpama dengan sifatnya telah mula diguna pakai oleh Agensi kerajaan yang lain dan menjadi norma kebiasaan di dalam persuratan.

Diharap maklumat yang dikongsi ini memberi inspirasi serta motivasi kepada warga *Navy People* agar terus menghasilkan inisiatif lain yang lebih berimpak tinggi demi kecemerlangan TLDM.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut
Artike : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

TIP PEMAKAIAN PAKAIAN OPERASI DIGITAL (POD) AGAR DALAM SAFE ATTIRE – TIP 1



Pemakaian POD dengan rapi adalah penting bagi memastikan warga TLDM dalam keadaan *safe attire* semasa operasi. Selain itu, ianya memastikan rupa-rasa warga TLDM adalah kemas. Tip pada kali ini ialah berkaitan pemakaian seluar POD dengan kemas supaya dalam keadaan *safe attire*.

Pemakaian yang tidak rapi akan menyebabkan seluar dan *boot* kelihatan seperti di Gambar 1, iaitu kaki seluar berada dalam keadaan tergantung. Ini boleh menyebabkan objek kecil di persekitaran memasuki boot sekiranya berlaku letupan atau splinter kepada letupan atau dimasuki serangga kecil jika berada di kawasan operasi. Ini kerana bahagian kulit kaki adalah terdedah kepada persekitaran. Berdasarkan garis panduan pemakaian POD yang dikeluarkan, kaki seluar perlu digrip separas ikatan tali boot ke-2 dari atas.

Tip bagi memastikan kaki seluar berada di posisi yang betul dan rapi ialah dengan memanjangkan kaki seluar 2 ke 3 inci lebih panjang dari panjang standard seseorang. Justeru jika dipanjangkan, kedudukan kaki seluar tidak akan berubah apabila dalam keadaan “angkat paras” seperti ditunjukkan di Gambar 2.

Bagi tempoh jangka panjang, kaki seluar POD TLDM dirancang untuk dipasang dengan *wrapping strip* seperti di Gambar 3. *Wrapping strip* ini perlu diikat ke tali ikatan *boot* ke-2 dari atas agar tidak bergerak, selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan.


Diharap Tip Siri 1 ini membantu warga *Navy People* dalam keadaan safe attire dan kelihatan terampil kemas apabila memakai POD. Tips seterusnya menyusul di siri akan datang.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas
Tentera Laut

Artikel : Laksmana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Dya Muhammad Fadzil bin Mashor TLDM

THE 15TH INTERNATIONAL DEFENCE INDUSTRY FAIR 2021 (IDEF'21) ISTANBUL, TURKI



Laksdya Dato' Abdul Rahman mendengar penerangan oleh peserta pameran

ISTANBUL, 17 Ogos - Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob bersama Laksamana Pertama Azman bin Rabani dan Lt Kdr Mohd Mustaqim bin Yahaya TLDM telah menyertai pameran pertahanan IDEF'21 bertempat di *Tuyap Fair and Congress Center*. Pameran Pertahanan ke-4 terbesar di dunia ini berlangsung selama 4 hari dengan pematuhan kepada SOP pandemik COVID-19. Pameran kali ini telah melibatkan penyertaan 1,238 syarikat dan disertai oleh 169 delegasi daripada 83 buah negara dan telah dirasmikan oleh Presiden Republik Turki, Recep Tayyip Erdoğan pada 17 Ogos 21.

Selaku peneraju utama NATO, sumbangan Turki terhadap keamanan dan kesejahteraan serantau serta dunia semakin meningkat dengan pemerksaan industri pertahanan negara tersebut. Pelbagai produk ketenteraan baharu yang dibangunkan oleh Turki dipersembahkan semasa pameran IDEF' 21 ini yang menggambarkan perkembangan pesat industri pertahanan Turki yang setaraf negara maju lain.

Delegasi TLDM juga berpeluang melawat, meninjau dan memberi perhatian khusus kepada inovasi-inovasi baru dalam teknologi ketenteraan serta meninjau peralatan-peralatan yang berpotensi kepada perolehan yang sedang dirancang TLDM.

Lawatan ke kapal TCG KINALIADA juga sempat dilaksanakan pada 20 Ogos 21. TCG KINALIADA merupakan Kelas Korvet ADA *Anti-submarine Warfare* (ASW) yang dibina oleh *Istanbul Naval Shipyard* melalui projek MILGEM pada tahun 2019. Delegasi telah berpeluang meninjau keupayaan serta spesifikasi kapal di mana hampir 75% sistem dan peralatan kapal adalah buatan Turki antaranya ialah ADVENT CMS, *Anti-Guided Missile System*, ATMACA SSM, Meriam 12.7mm STAMP, YAKAMOS 2000 Sonar, UniMACS 3000 IPMS dan ESM system ARES-2N.

Sumber : Bahagian Perancangan Pembangunan
Artikel : Lt Kdr Mohd Mustaqim bin Yahaya TLDM
Foto : PR IDEF'21

Tahukah anda asal usul Buku Rujukan Laut (BRL)

Diyakini ramai warga *Navy People* mengetahui dan menggunakan BR serta BRL apabila hendak melaksanakan rujukan terhadap sesuatu proses, panduan atau tatacara melaksanakan evolusi. Ini disebabkan BR (*Book of Reference*) telah lama wujud di dalam TLDM di mana ianya dihasilkan dan diwarisi dari Tentera Laut Diraja British. Namun dipercayai ramai warga *Navy People* tidak mengetahui asal usul BRL.

BRL pertama di dalam TLDM ialah BRL 1985 yang diterbitkan pada tahun 1985. BRL ini adalah berkaitan Sistem Selenggaraan Kapal (SSK) yang dibangunkan oleh Leftenan Komander Hj Salim bin Kasim TLDM (Bersara). Ini menyebabkan BRL pertama tersebut sinonim dengan jolokan “Sistem Salim Kasim” (SSK). Seterusnya pada tahun berikutnya, BRL 1 iaitu Senarai BR dan BRL yang digunakan oleh TLDM dan dinyatakan hak pegangan oleh setiap unit telah dihasilkan oleh beliau. Justeru jasa veteran ini amat dihargai di mana maklumat tambahan veteran adalah seperti di pautan berikut:

<https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3964468033611175>

Pada masa ini penguasa bagi BRL di dalam TLDM ialah *Sea Power Center* (SPC) @PUSMAS. Bagi penambahbaikan berterusan, inisiatif terkini SPC adalah menyelaraskan penomboran BRL agar bersistematik. Justeru sistem menggunakan 2 kaedah penomboran telah diperkenalkan. Penomboran pertama perlu mengikut *N-Series* dari siri 1 hingga 10. Penomboran kedua pula merujuk kepada bilangan digit di *N-Series* tersebut seperti berikut:

- a. 1 atau 2 Digit. BRL yang merujuk kepada perkara Strategik seperti Dasar serta Doktrin.
- b. 3 Digit. BRL berkaitan perkara di peringkat Operasi.
- c. 4 Digit. BRL merujuk kepada dokumen di peringkat Taktikal.

Penghasilan dan penambahbaikan berterusan terhadap BRL ini wajar dijadikan inspirasi dan motivasi terhadap warga *Navy People* agar terus berusaha menjadikan TLDM organisasi yang cemerlang.

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan, MkTL
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts Mohd Shaiful Adli Chung

SIKAP PROFESIONALISME BUKTIKAN KEJAYAAN 25 ORANG PENUNTUT KURSUS PASKAL SIRI 70-21



LUMUT, 27 Ogos – Seramai 25 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dianugerahkan beret ungu yang merupakan kebanggaan Pasukan Khas Laut (PASKAL) dalam Majlis Penutup Kursus Asas PASKAL siri 70/21 di Pusat Latihan Kemahiran Air, Pangkalan TLDM Lumut.

Penuntut Kursus Asas PASKAL ini telah menjalani beberapa peringkat latihan yang menagih seluruh kekuatan mental dan fizikal setiap para peserta. Setiap penuntut perlu menyemat semangat juang dan keyakinan serta sikap profesionalisme yang tinggi bagi menghadapi setiap latihan mencabar agar dinilai benar-benar layak untuk memakai beret dan menjadi seorang anggota PASKAL.

Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut telah diberi penghormatan untuk menyempurnakan pemakaian beret ungu PASKAL kepada penuntut kursus yang berjaya menamatkan latihan tersebut. Penghormatan ini sejajar dengan usaha dan pahit getir yang dilalui 25 orang peserta dalam mengharungi segala ujian demi menjadi salah seorang anggota pasukan elit yang terbaik dan menjadi kebanggaan TLDM.

Kursus Asas PASKAL siri 70/21 telah dimulakan pada 12 April 21 merangkumi 5 peringkat iaitu pemanasan, kem, hutan, paya, dan laut dengan penyertaan seorang pegawai dan 96 anggota LLP dan hanya 25 orang anggota sahaja yang telah berjaya melepasi kursus ini. Senario ini membuktikan PASKAL adalah sebuah pasukan yang meletakkan kualiti berbanding kuantiti dalam memastikan warga baharu PASKAL adalah benar-benar layaku ntuk bergelar seorang anggota PASKAL sesuai dengan cogan kata, "Sentiasa Yang Terbaik".

Antara ujian atau peringkat yang paling mencabar adalah merupakan Praktikal Tawanan Perang yang dapat memberi kesan dan pengalaman kepada setiap penuntut sekiranya ditawan atau ditangkap oleh musuh di lapangan. Latihan ini menyerapkan sifat berani dan kesetiaan terhadap setiap peserta untuk tidak sewenang-wenangnya menceritakan segala rahsia negara yang disimpan sebagai mana termaktub di dalam ikrar kesatria yang kelima iaitu 'menyimpan rahsia negara dengan seketat-ketatnya'. Selain itu, ujian ketahanan akhir mental dan fizikal tanpa henti yang dipanggil '*HELL WEEKS*' selama 72 jam merupakan fasa ujian terakhir sebelum penuntut dinilai benar-benar layak memakai beret dan di iktiraf menjadi seorang anggota PASKAL.

Alah bisa tegal biasa buat LK II PRL Ismail Izhar bin Mohd Dapie berusia 22 tahun dari Ranau, Sabah telah dipilih sebagai penuntut terbaik dan fizikal terbaik kursus di atas penilaian terhadap anggota yang mempunyai tahap fizikal yang tinggi dan mampu menguasai diri dalam apa jua situasi serta cekap dalam mengendalikan senjata dan lulus dalam di setiap peringkat ujian dengan cemerlang.

Setinggi-tinggi tahniah kepada kesemua peserta yang telah berjaya menamatkan latihan. Semoga dengan kehadiran ahli baharu dalam pasukan elit TLDM ini dapat meneruskan legasi kecemerlangan dan kejayaan serta terus melakar sejarah gemilang di masa hadapan.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

EKSESAIS MASTEX 2021 COVID-19 TIDAK MENGHALANG KERJASAMA DAN DIPLOMASI PERTAHANAN



HMAS CANBERRA, HMAS ANZAC, KD LEKIU dan KD JEBAT belayar dalam formasi

LUMUT, 5 Sep – Pandemi COVID-19 yang menyelubungi dunia tidak menghalang semangat kerjasama dan diplomasi pertahanan yang sedia utuh terjalin menerusi pelaksanaan *Malaysia-Australia Sea Training Exercise* (MASTEX) 2021 antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersama Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) di sekitar perairan Selat Melaka baru-baru ini.

Eksesais bilateral tahunan berkonsepkan *Field Training Exercise* (FTX) berlangsung selama 3 hari mulai 2 - 4 Sep 21 ini merupakan eksesais yang telah dilaksanakan sejak tahun 2002 melibatkan tentera laut kedua negara dalam memperkukuhkan *interoperability* serta kerjasama strategik meliputi konteks pertahanan maritim melalui kaedah perkongsian idea dan kepakaran lapangan secara profesional di peringkat antarabangsa.

Mendepani pandemik, TLDM terus mempamerkan komitmen menerusi penglibatan 3 buah aset iaitu KD LEKIU, KD JEBAT dan helikopter SUPER LYNX di ikuti ketumbukan TLDA diketuai 2 buah kapal iaitu HMAS CANBERRA, HMAS ANZAC bersama dua buah helikopter CH47 dan sebuah helikopter MH-60S dari *Australian Maritime Task Group*. Tidak ketinggalan adalah 2 buah pesawat F/A 18D dan 2 buah pesawat *HAWK* milik TUDM sebagai aset sokongan.

Beberapa siri latihan bersama telah direalisasikan meliputi latihan peperangan anti-serangan udara, anti-kapal selam, penembakan sasaran permukaan, manuvra taktikal dan pengoperasian bot sepanjang FTX. Kelangsungan latihan yang lancar tanpa sebarang insiden jelas menggambarkan sikap profesionalisme, keupayaan dan

ketersediaan warga yang amat membanggakan dalam aspek pengendalian aset pertahanan negara masing-masing. Latihan secara norma baru ini dilihat kekal menyemarakkan semangat kerjasama operasi maritim dan udara antara negara serantau selain turut menyediakan peluang bagi pemantapan latihan keselamatan dan pengawasan maritim secara bersama.

Secara keseluruhan eksekusi pada kali ini memenuhi matlamat dan objektif yang telah ditetapkan selain mencerminkan kualiti kemampuan aset dan kredibiliti warga TLDM untuk beroperasi bersama aset-aset dari negara sahabat. Ini jelas membuktikan bahawa TLDM adalah sebuah angkatan laut kredibel dan sentiasa berkeupayaan untuk melindungi serta mempertahankan kepentingan maritim negara pada sebarang masa.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

TLDM PERKUKUH HUBUNGAN KERJASAMA PERTAHANAN MELALUI EKSESAIS BERSAMA TENTERA LAUT INDIA



INS RANVIJAY, INS KORA, KD LEKIU dan KD JEBAT melaksanakan manuvra taktikal

LUMUT, 6 Sep – TLDM bersama Tentera Laut India (TLI) terus menyemarakkan hubungan kerjasama pertahanan yang sedia utuh terjalin melalui *Passage Exercise* (PASSEX) di perairan Selat Melaka hari ini.

Eksesais yang berlangsung melibatkan 3 buah aset oleh TLDM, iaitu KD LEKIU, KD JEBAT serta helikopter Super LYNX bersama 2 buah aset TLI iaitu INS RANVIJAY serta INS KORA. Terdahulu kedua-dua aset TLI ini sedang melaksanakan pelayaran pulang ke negara asal selesai misi penugasan keselamatan maritim di sekitar Laut China Selatan yang merupakan sebahagian daripada dasar '*Act East*' TLI dalam usaha memperluaskan kerjasama pertahanan antara New Delhi dengan negara serantau.

Matlamat ekksesais telah diterjemahkan melalui beberapa siri latihan yang direalisasikan meliputi manuvra taktikal, pengoperasian bot dan *sail pass*. Kelangsungan latihan yang lancar tanpa sebarang insiden jelas menggambarkan sikap profesionalisme, keupayaan dan ketersediaan warga kedua-dua angkatan laut.

Selain komited terhadap keselamatan maritim dan kerjasama pertahanan negara rantau ini, TLDM akan terus memanfaatkan setiap peluang beroperasi bersama angkatan laut sahabat dalam memacu ketersediaan warga untuk melindungi serta mempertahankan kepentingan maritim negara pada sebilang masa.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

“TOWN HALL” BERSAMA LIMBUNGAN TEMPATAN SECARA WEBINAR



KUALA LUMPUR, 15 Sep 21 – Sesi *Town Hall* di antara pihak TLDM dengan limbungan tempatan telah dilaksanakan hari ini secara atas talian (*webinar*), dimana lebih daripada 150 peserta telah menyertainya. *Town Hall* dikendalikan oleh Ketua Jurutera TLDM, bertujuan menjelas dan bertukar pandangan terhadap pelaksanaan terkini rutin selenggaraan berjadual kapal TLDM yang menggunakan kaedah S.M.A.R.T *Refit*. Tujuan S.M.A.R.T *Refit* adalah memendekkan tempoh *refit* kapal TLDM di limbungan tempatan secara drastik. Kaedah ini hampir 180 darjah berbeza berbanding *refit* secara konvensional yang telah diamalkan lebih kurang 30 tahun.

Town Hall telah memberi peluang kepada pihak limbungan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan S.M.A.R.T *Refit*, selain diberi peluang mengkisahkan cabaran serta kekangan yang dihadapi bagi melaksanakannya. Selain penjelasan terhadap metodologi S.M.A.R.T *Refit*, sesi turut merangkumi elemen pengurusan projek dalam perspektif *Project Management Body of Knowledge* (PMBOK). Ini bagi mengelakkan S.M.A.R.T *Refit* yang sedang dilaksanakan bertukar kepada pendekatan “atas kertas”.

Di akhir sesi *Town Hall*, pihak limbungan tempatan turut dimaklumkan iaitu TLDM akan melaksanakan kaedah S.M.A.R.T *Refit Plus* pada pertengahan tahun hadapan bagi memastikan program ini lebih dinamik, berdaya saing dan lebih singkat pada kos yang kompetitif. Memandangkan *Town Hall* ini mendapat sambutan di luar jangkaan, sesisusunan akan dilaksanakan. Inikerana ramai *industry players* tidak dapat menyertai *webinar* kali ini disebabkan kapasiti medium yang terhad.

Hasil *Town Hall* secara webinar ini diharap memberi inspirasi serta motivasi kepada warga *Navy People* agar terus menghasilkan inisiatif lain yang lebih berimpak tinggi demi kepentingan TLDM. Bagi pihak limbungan pula disaran agar mereka dapat melaksanakan S.M.A.R.T *Refit* dengan menghasilkan *success story*.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : PW 1 TLS Hazemi bin Mamat

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENGHARGAAN***Pegawai Memerintah menyempurnakan pemakaian pangkat warga KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL***

LUMUT, 20 Sep – Majlis pemakaian pangkat dan penghargaan warga KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP).

Pegawai Memerintah, Kdr Segar a/l Muniandy TLDM telah berbesar hati menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada anggota yang terlibat. Seramai 4 orang anggota telah dinaikkan ke pangkat LK I yang terdiri daripada:

- a. LK I PWP Mohamad Alif Ikhwan bin Rosli.
- b. LK I KOM Mohd Hadri bin Md Radi.
- c. LK I JTP Muhammad Hariz bin Ismail.
- d. LK I BDI Muhammad Amirul Ashraf bin Dolah.

Selain itu, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian cendera kenangan kepada Timbalan Pegawai Persenjataan, Lt Dya Wan Ramli bin Wan Omar TLDM yang akan bertukar keluar ke KD SRI SEMPORNA. Dalam ucapan, beliau mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat dan menegaskan tentang tanggungjawab yang turut digalas. Beliau juga menyeru agar anggota sentiasa mencabar diri untuk melakukan yang terbaik dalam pelaksanaan tugas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada yang dinaikkan pangkat. Semoga pangkat baharu yang diterima menjadi penyuntik semangat untuk lebih berjaya di dalam TLDM.

Sumber : Pegawai Perhubungan Raya KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

Foto : LK II JTP Muhammad Izzat bin Sakdin

SAMBUTAN HARI ATM KE-88



Sambutan 88 tahun ATM di Kem Segenting, Port Dickson

PORT DICKSON, 22 Sep - Warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menjayakan sambutan Hari ATM ke-88 yang diadakan di Kem Segenting buat julung kalinya.

Bertemakan 'Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama', sambutan disempurnakan Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM. Pematuhan prosedur operasi standard (SOP) menjadi keutamaan bagi memastikan acara dapat dilaksanakan dengan lancar dan mengawal sebarang kebarangkalian penularan wabak COVID-19.

Sambutan hari ini dijayakan 2,500 orang warga ATM yang terlibat dengan Latihan Kesiagaan Aset dan Kompetensi serta Perbarisan Statik Tempur.

Latihan Kesiagaan yang dilaksanakan mempamerkan keupayaan aset dan warga ketiga-tiga cabang perkhidmatan - Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Demonstrasi ini menjadibukti kesiapsiagaan ATM dalam menggalas tanggungjawab mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara.

Warga *Navy People* berbangga dapat menjayakan Latihan Kesiagaan ini sebagai elemen maritim yang melibatkan aset KD MAHAWANGSA, KD LEKIU, KD JEBAT dan KD LEKIR, selain anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL).

Selesai demonstrasi Kolonel Mohd Rosli bin Abu Bakar mengetuai lapan detasmen untuk Perbarisan Statik Tempur daripada TDM, TLDM, TUDM, Malaysian Battalion (MALBATT) Gerup Gerak Khas (GGK), PASKAL, Pasukan Khas Udara (PASKAU) dan Pasukan Aturgerak Cepat (PARA).

Pesawat Super Lynx dan Fennec dari Cawangan Udara pula terlibat dengan lintas hormat pesawat.

Turut diadakan penyampaian Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera yang merupakan anugerah tertinggi di dalam ATM. Tahniah diucapkan kepada Komander Asri bin Dasman TLDM, Pegawai Memerintah KD LEKIR yang menerima anugerah tersebut.

Tahun ini merupakan tahun kedua ATM berhadapan dengan cabaran dalam menggalas tugas sekunder membantu negara mengekang penularan wabak COVID-19. Namun, ATM sebagai benteng utama pertahanan Malaysia terus komited untuk mendokong misi dan wawasan negara bagi menentukan keamanan dan kedaulatannya sentiasa terpelihara.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

Foto : LK PWP Muhamad Zul Akmal bin Ahmad

**MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENYAMPAIAN SIJIL
PEGAWAI PALAPES LAUT UNIVERSITI AWAM TAHUN 2020
PERINGKAT ZON TENGAH**



***Pegawai muda yang diraikan bergambar kenangan
bersama Timbalan Panglima Tentera Laut***

KUALA LUMPUR, 25 Sep - Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Sijil Pegawai PALAPES Laut Universiti Awam Tahun 2020 peringkat Zon Tengah telah diadakan di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM hari ini. Majlis disempurnakan Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob yang diiringi oleh Panglima Pasukan Simpanan, Laksamana Pertama Zainul Rashid bin Abdullah.

Seramai 99 orang Pegawai Kadet Kanan PALAPES Laut daripada 9 universiti telah dinaikkan pangkat ke Lt Muda PSSTLDM dan menerima sijil pentauliah masing-masing. Timbalan Panglima Tentera Laut juga telah menyampaikan Pedang Kehormat kepada Pegawai Kadet Terbaik daripada setiap universiti.

Senarai Pegawai Kadet Terbaik adalah seperti berikut:

1. Lt M Nur Nadhirahanani binti Sarju PSSTLDM (UTM)
2. Lt M Muhammad Amirul bin Mustafa PSSTLDM (UMS)
3. Lt M Amirul Ashraf bin Ahmad Zaidi PSSTLDM (UiTM)
4. Lt M Abdul Muhaimin bin Azman PSSTLDM (USM)

5. Lt M Nur Mahirah Afiqah binti Abdul Rahman PSSTLDM (UPM)
6. Lt M Izzah Rasyidah binti Abdul Karim PSSTLDM (UMP)
7. Lt M Siti Norsamsiah binti Mat Tahir PSSTLDM (UUM)
8. Lt M Muhammad Solihin bin Mohd Jasmy PSSTLDM (UMT)
9. Lt M Wan Ahmad Farihin bin Adzlan PSSTLDM (UM)
10. Lt M Putri Nabilah Amanda binti Ab. Lah Suhaimi PSSTLDM (UMK)

Majlis yang dikoordinasikan oleh KD SRI KLANG ini turut dihadiri Ketua Pengarah Hidrografi, Asisten Ketua Staf (AKS) Materiel, Pegawai Memerintah KD SRI KLANG dan Pegawai Memerintah KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

SEKALUNG TAHNIAH KEPTEN SUHAIMI BIN SANI TLDM (BERSARA)



Kepten Suhaimi bin Sani TLDM (Bersara) adalah seorang Veteran TLDM, melakar sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama dinobatkan di *Hall of Fame* bagi Sukan Ragbi di *United States Naval Academy* (USNA). Majlis rasmi penganugerahan tersebut telah disempurnakan pada 10 Sep 21 di Annapolis, Maryland, Amerika Syarikat. Detik bersejarah ini turut menyaksikan beliau adalah individu *non-American* pertama dinobatkan anugerah ini di USNA, sejak penubuhan sukan ragbi di akademi tersebut pada tahun 1963.

Kepten Suhaimi (Bersara) adalah mantan *midshipmen* di USNA menyertai Pasukan Ragbi USNA sepanjang 4 tahun pengajian di sana dari tahun 1989 hingga 1993, di mana beliau juga adalah pemain tunggal *non-American* dalam pasukan tersebut. Selain itu, beliau turut terpilih mewakili *US Armed Forces Jr Rugby Team*.

Sekembali ke tanah air, Kepten Suhaimi (Bersara) terus aktif di dalam Pasukan Navy ORCA TLDM bagi kejohanan ISG (*Inter-Service Games*) dan juga liga tempatan. Disamping itu beliau turut mewakili ATM di mana pada tahun 1994 telah berjaya merangkul kejuaraan Ragbi Kebangsaan Piala Agong. Lebih membanggakan iaitu pada tahun yang sama, Kept Suhaimi (Bersara) menyarung jersi pasukan Ragbi Kebangsaan 7-Sebelah, berpeluang bermain menentang Pasukan New Zealand *ALL BLACKS* yang bertaraf dunia dalam kejohanan yang berlangsung di Fiji.

Kepten Suhaimi (Bersara) telah hadir sendiri ke Annapolis bersama isteri untuk menerima anugerah Hall of Fame tersebut. Majlis penganugerahan turut dihadiri oleh lebih 350 orang penggiat sukan ragbi. Lebih manis lagi, ianya turut dihadiri oleh bekas jurulatih beliau serta 13 orang bekas pemain sepasukan. Detik bersejarah tersebut turut dihadiri oleh wakil Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur iaitu *Defence Attache Captain Zeff Khan USN*.

Sebagai tradisi pengiktirafan Hall of Fame, Kepten Suhaimi (Bersara) dan kesemua penerima anugerah *Hall of Fame* yang masih hidup telah diraikan semasa perlawanan ragbi USNA menentang *US Air Force Academy*, di mana diperkenalkan barisan penerima kepada semua yang hadir di separuh masa pertama perlawanan.

Maklumat tambahan berkaitan Kepten Suhaimi (Bersara) adalah seperti di pautan berikut: <https://www.facebook.com/RoyalMalaysianNavy/posts/3635054079885907>

Berdasarkan kejayaan, pencapaian dan pengiktirafan Kepten Suhaimi Sani TLDM (Bersara) yang turut membanggakan TLDM, selain telah mengharumkan nama Malaysia, ianya wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga *Navy People*.

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Sumber Manusia, Markas Tentera Laut dan Kept Suhaimi Sani TLDM (Bersara)

UPACARA PENAMAAN DAN PENTAULIAHAN KD PANGLIMA GARANG



LUMUT, 1 Okt - Panglima Tentera Laut dan warga *Navy People* berbesar hati kerana Kepten Yang Dipertua TLDM, DYMM Sultan Selangor berkenan menyempurnakan upacara penamaan dan pentauliahkan KD PANGLIMA GARANG di Pangkalan TLDM Lumut.

Ketibaan Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj disambut Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM; Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob bersama Panglima Pasukan Khas Laut, Laksamana Pertama Hj Mohd Redzuan bin Hj Talib.

Tarikh 1 Oktober 2021 ini diambil bersempena dengan tarikh hari ulang tahun penubuhan Pasukan Khas Laut (PASKAL) yang ke-39.

Di dalam sejarah Kesultanan Negeri Selangor, nama Panglima Garang merupakan gelaran yang dianugerahkan kepada Pahlawan Melayu yang mempunyai sifat keberanian dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Tengku Panglima Besar Raja Abdul Samad yang kemudian ditabalkan sebagai Sultan Selangor ke-4. Panglima Garang merupakan seorang pendekar yang sangat handal di dalam permainan senjata dan memiliki ilmu peperangan yang tinggi serta amat digeruni musuh.

KD PANGLIMA GARANG adalah Pusat Latihan PASKAL yang mempunyai fasilitas pelantar minyak, satu-satunya fasilitas di Malaysia yang dibina dengan tujuan untuk memudahkan tim PASKAL melaksanakan latihan melawan keganasan maritim dengan lebih efisien, selain daripada menempatkan mereka di pelantar minyak sebenar pada satu-satu masa.

Selain itu, fasilitas lain yang terdapat di KD PANGLIMA GARANG termasuk dataran latihan fizikal, tiga jenis lapang sasar, rumah tempur dan kolam selam.

Sejak penubuhan PASKAL pada tahun 1982, unit pasukan khas TLDM ini telah melatih 1,103 pegawai dan anggota unit pasukan khas dalam dan luar negara melalui pelbagai kursus yang ditawarkan.

Turut hadir ke upacara hari ini Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan Malaysia, Tuan Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

Foto : LK TNL Mohd Badrul Hisham bin Che Hussin

WARGA NAVY PEOPLE TERIMA BAKUL MAKANAN MINDEF PRIHATIN



Panglima Tentera Laut menerima Bakul MINDEF Prihatin yang disampaikan oleh Menteri Kanan Pertahanan

KUALA LUMPUR, 6 Okt – Seramai 1,500 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan (MINDEF) telah menerima sumbangan bakul makanan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam Majlis Penyerahan Bakul Makanan di bawah program MINDef Prihatin hari ini.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Hussein bersama Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Program MINDEF Prihatin ini merupakan kerjasama di antara Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dengan MAFI.

Sebagai simbolik pelancaran, bakul makanan telah diagihkan kepada Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz dan semua panglima perkhidmatan termasuk Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany.

Sumbangan yang diagihkan kepada 1,125 warga ATM dan 375 warga MINDEF adalah berupa barangan keperluan asas seperti sayur sayuran, buah-buahan dan produk-produk industri makanan.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Foto : LK PNK Muhamad Fairuz bin Muhamad Azman

KUNJUNGAN HORMAT PANGLIMA PASUKAN SIMPANAN TLDM SEMPENA LAWATAN KERJA KE KUCHING



KUCHING, 14 Okt – Yang Berbahagia Panglima Pasukan Simpanan TLDM, Laksamana Pertama Zainul Rashid Bin Abdullah telah membuat beberapa kunjungan hormat sempena Lawatan Kerja ke Kuching bermula hari ini.

Kunjungan hormat pertama dimulakan ke atas Yang Berusaha Encik Hikmatullah Bin Haji Ahmad Khan, Pengarah Politeknik Kuching Sarawak. Panglima Pasukan Simpanan dan delegasi Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM telah diberikan taklimat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan terutama sekali berkaitan dengan aktiviti berkaitan dengan Pasukan Latihan Anggota Simpanan TLDM atau PLAS TLDM Politeknik Kuching Sarawak.

Kunjungan hormat kedua pula adalah ke atas Yang Berbahagia Datu Dr. Chai Khin Chung, Pengarah Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri Sarawak di Wisma Bapa Malaysia. Panglima dan delegasi telah diterangkan mengenai aspek dan tanggungjawab UKPN Sarawak dan diperkenalkan dengan Sarawak Coastguard sebagai sebuah agensi negeri yang baru, bernaung di bawah Jabatan ketua Menteri Sarawak.

Disamping mengeratkan tali persahabatan dan silaturahim antara agensi pertahanan, penguatkuasaan dan Pendidikan, Kunjungan Hormat ini juga secara tidak langsung memperkenalkan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia kepada masyarakat luar.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : Lt M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : LK TNL Ajariah binti Umar

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI TLDMPSSTLDM DAN SERAH TERIMA TUGAS AKS PENTADBIRAN DAN SEKRETARIAT



KUALA LUMPUR, 14 Okt - Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany telah menyempurnakan pemakaian pangkat 12 pegawai kanan TLDM dan 6 pegawai PSSTLDM dalam satu majlis yang diadakan di KD SRI GOMBAK hari ini.

Mendahului senarai Laksamana Pertama Abd Halim bin Hj Shaari dan Laksamana Pertama Khir Junaidi bin Idris yang dinaikkan pangkat ke Laksamana Muda.

Pegawai-pegawai kanan TLDM dan pegawai PSSTLDM lain yang dinaikkan pangkat adalah seperti berikut:

1. Kept Zahari bin Hj Samsuri TLDM dinaikkan ke pangkat Laksamana Pertama
2. Lt Kdr Shah Dziaul Haq bin Jusop TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
3. Lt Kdr Mohd Jhairunie bin Mohamaed TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
4. Lt Kdr Muhamad Azli bin Adnan TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
5. Lt Kdr Thamendran A/L Khrisnan Kutty TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
6. Lt Kdr Ahmad Shahir bin Hasnan TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
7. Lt Kdr jantan bin Abdul Hamid TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
8. Lt Kdr Khairulniza binti Kamarulzaman TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
9. Lt Kdr Noorulzaki bin A. Rahman TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
10. Lt Kdr Ahmad Kamimi bin Abdul Hamid TLDM dinaikkan ke pangkat Komander TLDM
11. Lt M Mohd Mustafa bin Zainal Abidin PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM
12. Lt M Iqleema binti Fadzil PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM

13. Lt M Hanis Nadiyah binti Mohd Ali PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM

14. Lt M Noor Adibah binti Md Akhir PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM

15. Lt M Nordalilah binti Abdullah PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM

16. Lt M Nurhidayah binti Che Rahim PSSTLDM dinaikkan ke pangkat Lt Madya PSSTLDM

Selesai pemakaian pangkat, Panglima Tentera Laut telah menyaksikan serah terima tugas Asisten Ketua Staf Pentadbiran dan Sekretariat di antara Komander Syed Azman bin Syed Tahir TLDM dan Laksamana Pertama Ahmad Asri bin Yaacob.

Turut hadir Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Abdul Rahman bin Ayob dan Komander National Task Force, Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhainie PSSTLDM

Foto : LK TNL Mohd Badrul Hisham bin Che Hussin

LAWATAN PANGLIMA PASUKAN SIMPANAN KE PSTL KUCHING

KUCHING, 16 Okt – Lawatan Kerja Panglima Pasukan Simpanan TLDM, Laksamana Pertama Zainul Rasyid Bin Abdullah dan delegasi Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM ke Kuching diakhiri dengan lawatan ke PSTL Kuching.

Ketibaan Panglima disambut oleh Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching, Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM selaku Pegawai Memerintah dan menerima Kawalan Suku PWTL & PSTL Kuching.

Menerusi ucapan yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Panglima, menyarankan supaya pendedahan terhadap Pasukan Simpanan Sukarela TLDM sebagai barisan kedua pertahanan negara dapat dipergiatkan dan berharap kapasiti Pasukan dapat dipertingkatkan.

Yang Berbahagia Panglima juga menzahirkan penghargaan terhadap warga Pasukan Simpanan Sukarela TLDM yang telah mengharumkan nama negara khususnya, dan Tentera Laut Diraja Malaysia amnya dalam tempoh mereka sedang dan telah berkhidmat.

Di akhir majlis, Panglima dan delegasi meluangkan masa untuk beramah mesra bersama warga *Navy People* Kuching.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : Lt M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : LK PNK Ajariah binti Umar

JASA BAKTI MU DIKENANG LAKSAMANA PERTAMA DR. HJ SUTARJI BIN HJ KASMIN (BERSARA)



Laksamana Pertama Dr. Hj Sutarji bin Hj Kasmin (Bersara) adalah seorang Veteran TLDM merupakan anggota Komando pertama di Malaysia yang telah berjaya dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) semasa dalam perkhidmatan, pengkhususan dalam bidang Pengurusan Zon Pantai dan Maritim. Laksamana juga merupakan salah seorang daripada 3 rakyat Malaysia yang pertama lulus Kursus Komando Pasukan Katak (KOPASKA) di Komando Pendidikan Angkatan Laut, Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut di Surabaya pada tahun 1978. Beliau dilantik sebagai Pegawai Memerintah pertama Pasukan Khas Laut TLDM atau PASKAL selama 10 tahun dari tahun 1984 hingga 1994.

Di atas kelayakan yang dimiliki, pihak pengurusan Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 2003 telah melantik Laksamana Pertama Dr. Hj Sutarji sebagai Komandan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT). Sehingga kini, beliau masih mengekalkan rekod sebagai Komandan MPAT yang memiliki Ijazah PhD.

Kini walaupun telah lama bersara dari perkhidmatan TLDM, Laksamana Pertama Dr. Hj Sutarji masih aktif dengan sumbangan serta penerbitan buku berkaitan isu maritim negara serta kisah pengorbanan misi melindungi kedaulatan negara.

Diharap maklumat yang dikongsi ini memberi inspirasi serta motivasi kepada warga *Navy People* agar terus berusaha untuk cemerlang demi kepentingan TLDM.

Sumber : *RMN Chief Engineer Office*, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Ts. Mohd. Shaiful Adli Chung

Foto : Kdr Ir. Ts. Faiz Azmi bin Hj Sutarji TLDM

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENGHARGAAN WARGA KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL



Pegawai Memerintah menyempurnakan pemakaian pangkat warga KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

LUMUT, 20 Okt – Majlis pemakaian pangkat dan penghargaan warga KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL yang akan bertukar keluar telah dilaksanakan dengan jayanya hari ini di Tambatan Pangkalan Lumut.

Pegawai Memerintah, Kdr Segar a/l Muniandy TLDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat PW II TLR Salleh bin Ahmad yang dinaikkan ke pangkat P/PW I TLR dan BM PWP Norhesam bin Mahmad yang dinaikkan ke pangkat P/BK PWP.

Selain itu, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian cendera kenangan kepada anggota yang akan bertukar keluar. Dalam ucapan, Pegawai Memerintah mengucapkan tahniah kepada anggota yang telah dinaikkan pangkat dan menegaskan tentang tanggungjawab yang bakal digalas. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih di atas khidmat dan jasa yang telah dicurahkan kepada anggota yang akan bertukar keluar dan mendoakan agar terus maju jaya di unit yang baharu. Beliau juga menyeru agar anggota sentiasa mencabar diri untuk melakukan yang terbaik dalam pelaksanaan tugas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada yang dinaikkan pangkat. Semoga pangkat baharu yang diterima menjadi penyuntik semangat untuk lebih berjaya di dalam TLDM.

Artikel : Pegawai Perhubungan Raya KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

Foto : LK I JTP Muhammad Hariz bin Ismail

MESYUARAT LEMBAGA KELAYAKAN KAPAL SELAM KE-24 SIRI 03/21



Sesi bergambar bersama Timbalan Panglima Tentera Laut

KOTA KINABALU, 20 Okt – Mesyuarat Lembaga Kelayakan Kapal Selam (LKKS) Ke-24 siri 3/21 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Markas Pemerintahan Kapal Selam (MPKS). Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg Laksdya Dato' Abdul Rahman bin Ayob, Timbalan Panglima Tentera Laut. Mesyuarat turut dihadiri oleh 4 ahli tetap iaitu Panglima Angkatan Kapal Selam sebagai Timbalan Pengerusi, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Laksda Dato' Pahlawan Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy, serta Pegawai Kanan MPKS.

Secara amnya, LKKS ditubuhkan bagi menentukan tahap kepakaran serta kemahiran pegawai dan anggota berkepakaran kapal selam sentiasa berada di tahap yang terbaik. Ia merangkumi penentuan mekanisme dalam melaksanakan perakuan, pemberian atau peningkatan kelayakan, pelucutan atau penurunan kelayakan dan penilaian prestasi warga berkepakaran kapal selam. LKKS pada kali ini melibatkan perakuan kelayakan seramai 10 pegawai dan 11 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang telah berjaya menamatkan kursus kepakaran dan kelayakan masing-masing. Syabas dan tahniah diucapkan.

Sumber : Pejabat Perhubungan Awam (N7) MPKS
Artikel : PW I JTP (H,I) Fairull Salehen Bin Jaafar
Foto : PW I JTP (H,I) Fairull Salehen Bin Jaafar